

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI SELASA : 12 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA NO. 44)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]
TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta MENTERI
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI menyatakan :**

- a. strategi Kementerian untuk meningkatkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) di Malaysia bagi tempoh lima tahun akan datang mengikut tahun; dan
- b. sejauh manakah rancangan Kementerian untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur bagi menyokong penggunaan kenderaan EV di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam 5 tahun lagi, iaitu pada 2030, Kerajaan telah menyasarkan untuk mencapai 20% daripada jumlah jualan tahunan kenderaan penumpang dan perdagangan baharu adalah terdiri daripada kenderaan jenis berkuasa elektrik (xEV) merangkumi *Hybrid, Plug-In Hybrid, Battery Electric Vehicle (BEV)* dan *Fuel Cell Electric Vehicle (FCEV)*. Pada 2024, sehingga September 2024, kadar jumlah jualan tahunan yang dicapai ialah 5.11%, manakala bagi keseluruhan tahun 2023, kadarnya ialah 4.12%.

2. Jumlah penggunaan kenderaan baharu jenis penumpang dan perdagangan BEV adalah lebih tinggi pada tahun 2024 dan 2023 iaitu masing-masing 15,876 unit dan 13,513 unit, berbanding 3,146 unit pada tahun 2020. Pencapaian ini adalah hasil usaha bersama Kementerian-Kementerian dan Agensi-Agensi Kerajaan bersama pihak industri untuk membantu memastikan pembentukan ekosistem industri EV lebih terancang dan teratur. Seperti mana sedia maklum, sebelum tahun 2018, penggunaan EV adalah rendah dan belum berkembang luas di Malaysia dan di rantau ini.

3. Sejak 2021 hingga 2024, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kerajaan bagi membangunkan ekosistem industri EV di Malaysia, di antaranya ialah:

- a) Pengecualian sepenuhnya duti import dan eksais untuk EV jenis CBU import sehingga 31 Disember 2025 serta pengecualian sepenuhnya duti import, eksais dan cukai jualan untuk EV yang dikeluarkan dalam negara sehingga 31 Disember 2027;
- b) Pengecualian sepenuhnya cukai jalan bagi kenderaan jenis BEV dari 2022 sehingga 2025;
- c) Pembangunan EV bawah RM100,000 oleh PERODUA menjelang tahun 2025;
- d) Pembangunan infrastruktur pengecasan EV secara menyeluruh di Malaysia dengan sasaran sebanyak 10,000

NO SOALAN : 11

petak pengecas EV (Electric Vehicle Charging Bay – EVCB) menjelang tahun 2025;

- e) Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau yuran langganan kemudahan pengecasan EV termasuk di rumah untuk tahun taksiran sehingga 2027;
- f) Pelanjutan sehingga tahun 2025 bagi Skim Galakkan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas) yang menawarkan rebat sebanyak RM2,400 bagi tujuan pembelian atau langganan motosikal elektrik kepada rakyat Malaysia bertujuan bagi menggalakkan rakyat untuk beralih kepada kenderaan berasaskan elektrik;
- g) Pembangunan pusat ujian NxGV (*EV Interoperability Center*) dan pusat uji bateri boleh cas semula (*National Rechargeable Battery Testing Center – NRBTC*) untuk memudahkan ujian tempatan dan pembangunan EV di mana ianya dapat menurunkan harga pengujian sejurus menurunkan harga kenderaan EV dan menarik minat pembeli EV.

4. Dalam aspek peningkatan keupayaan infrastruktur untuk menyokong penggunaan EV di Malaysia, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- a) Dari aspek perancangan, Kerajaan telah meletakkan sasaran 10,000 petak pengecasan awam (*public EV Charging Bay - EVCB*) menjelang tahun 2025 meliputi di semua negeri termasuk lokasi yang strategik, sama ada berdasarkan permintaan (*demand based*) ataupun akses (*access based*).
- b) Menjalankan penyelarasan dengan semua pihak berkepentingan dalam menambahbaik prosedur semasa bagi kelulusan pemasangan EVCB bagi mempercepatkan pemprosesan kelulusan pemasangan serta mengurangkan kos pembinaan EVCB;
- c) Penyelarasan bersama oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan PLANMalaysia dalam menerbitkan satu Garis Panduan Perancangan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (GPP EVCB) untuk menyeragamkan dan

memudahcara proses antara semua agensi dan jabatan pengawalseliaan, termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), yang terlibat dalam pembangunan EVCB; dan

- d) Kementerian telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan syarikat-syarikat konsesi lebuhraya, rangkaian *hypermarket*, Persatuan Pengurusan Kompleks Membeli Belah serta Persatuan Hotel dan Persatuan Pemilik Hotel Malaysia bagi menggalakkan premis-premis berkaitan disokong oleh perkhidmatan pengecas awam EV untuk keperluan para pelanggan.

5. Dengan usaha Kerajaan secara berterusan di pelbagai peringkat dan komitmen industri untuk membantu menyokong sasaran Kerajaan, jumlah EVCB awam akan terus meningkat dan mampu mencapai sasaran yang diinginkan pada akhir 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL KHALIB
BIN ABDULLAH [ROMPIN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

DATO' HAJI ABDUL KHALIB BIN ABDULLAH [ROMPIN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan usaha yang diambil untuk meningkatkan jumlah pelancong untuk bercuti di pulau-pulau peranginan dalam negara di sebelah Pantai Timur (seperti Pulau Tioman dan Pulau Perhentian) yang kurang aktiviti ekonomi berbanding pulau-pulau peranginan di Pantai Barat (seperti Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia kekal komited dalam mempromosikan pulau-pulau peranginan dalam negara termasuk di sebelah Pantai Timur seperti Pulau Tioman dan Pulau Perhentian secara berterusan bagi meningkatkan ketibaan pelancong dalam dan luar negara sekaligus memacu pertumbuhan industri pelancongan yang positif. Antara usaha yang diambil termasuk :-

- i. Meneruskan program kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri dengan menjemput penyertaan ke pameran-pameran pelancongan antarabangsa seperti International Tourisme Bourse (ITB) Berlin, Arabian Travel Mart (ATM) Dubai, ASEAN Tourism Forum (ATF) dan Misi Jualan Pelancongan merangkumi pasaran-pasaran utama seluruh dunia.
- ii. Di peringkat domestik, Tourism Malaysia giat menganjurkan program promosi seperti Karnival Cuti-Cuti Malaysia (25-27 Oktober 2024), Pameran Cuti-Cuti Malaysia Madani Penjawat Awam (7-9 Jun 2024), MATTA Fair (22-24 Mac 2024 dan MAH Domestic Tourism Fair (6-7 Julai 2024). Promosi ini akan terus menggalakkan dan meningkatkan permintaan untuk melancong ke pulau-pulau peranginan di dalam negara termasuk di sebelah Pantai Timur.

- iii. Bekerjasama dengan pihak TV, radio, akhbar dan mempengaruhi (*influencer/KOL*) untuk mempromosikan tarikan-tarikan dan aktiviti-aktiviti pelancongan pulau peranginan serta pakej-pakej pelancongan yang menarik sepanjang tahun.
- iv. Mengoptimumkan strategi e-pemasaran di mana Tourism Malaysia telah membangunkan halaman *Deals & Packages* bagi membantu pemain industri memasarkan tawaran yang menarik kepada pelancong-pelancong. Sebarang tawaran menarik atau pakej-pakej pelancongan boleh dimuatnaik serta diiklankan di laman web rasmi Tourism Malaysia secara percuma. Para penggiat industri digalakkan untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan masing-masing melalui laman web *www.malaysia.travel*.
- v. Tourism Malaysia turut bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam membuat hebahan dan promosi untuk program/acara yang dianjurkan/disertai melalui platform rasmi media sosial seperti Instagram, Facebook, laman web Tourism Malaysia dan TikTok Tourism Malaysia.
- vi. Tourism Malaysia akan terus membantu pihak-pihak operator pelancongan tempatan untuk terus berdaya saing serta memberi impak positif terhadap pertumbuhan aktiviti pelancongan ke pulau-pulau peranginan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ
[SEGAMAT]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN YUNESWARAN A/L RAMARAJ [SEGAMAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana Kementerian merancang untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan, terutamanya dalam bidang STEM dan kepimpinan, serta apakah inisiatif yang sedang dijalankan untuk menyokong usahawan wanita, terutamanya dalam kalangan wanita luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa komited untuk menyokong segala usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan. Dalam hal ini, KPWKM melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya ialah Program Pembangunan Kapasiti Wanita yang berkaitan dengan pekerjaan dan keusahawanan iaitu domain Wanita dan Ekonomi serta domain Wanita dan Kepimpinan. Dari 2022 hingga September 2024, Program Pembangunan Kapasiti Wanita bagi kedua-dua domain tersebut telah memberi manfaat kepada hampir 190,000 orang peserta melibatkan 1,797 program seluruh negara, termasuk penduduk luar bandar.

3. Menerusi domain Wanita dan Ekonomi, JPW telah melaksanakan program keusahawanan yang merangkumi sub-domain seperti Ekonomi Digital, Kemahiran Warga Emas, Penjana Pendapatan Ibu Tunggal, Sosioekonomi Wanita Rentan dan Program STEM & IT. Program STEM & IT yang dilaksanakan oleh JPW merupakan program berbentuk kursus atau bengkel sebagai usaha untuk membantu meningkatkan kapasiti wanita melalui kursus dan latihan serta pendedahan kepada golongan wanita berkaitan STEM & IT.

5. Di samping itu, KPWKM turut menjalinkan kerjasama bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dalam pelaksanaan program-program pembangunan usahawan wanita melalui agensi-agensinya di bawahnya seperti INSKEN dan TEKUN.

6. Bagi memastikan usahawan wanita di kawasan luar bandar turut mendapat manfaat daripada program-program yang dilaksanakan, JPW telah bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dalam pelaksanaan program-program pemerkasaan wanita di Pusat Komuniti Desa (PKD). Kerjasama ini dapat memastikan setiap kumpulan masyarakat mendapat faedah daripada program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

7. KPWKM juga sentiasa menunjukkan komitmen dalam memperjuangkan usaha untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam kepimpinan. Melalui domain Wanita dan Kepimpinan, sebanyak 291 program telah dilaksanakan dari tahun 2022 hingga September 2024 dengan melibatkan lebih 83,000 peserta.

8. Bergerak ke hadapan, KPWKM komited untuk membangunkan program yang boleh menyumbang kepada pemerksaan kepimpinan wanita dalam pelbagai bidang bagi membawa kepada pembesaran sumur bakat (*talent pool*) wanita yang akan menjadi pengubah keadaan (*game changer*) dalam melahirkan wanita yang berkebolehan, berkelayakan dan sesuai untuk diketengahkan menjadi pemimpin di masa akan datang. Ini digerakkan menerusi semakan semula Dasar Wanita Negara yang turut memberikan penekanan kepada penyertaan wanita dalam bidang STEM dan IT yang perlu dijayakan oleh semua Kementerian dan Agensi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY
BIN JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status cadangan supaya JAKIM mewajibkan pensijilan halal bagi restoran dan syarikat makanan yang tidak menyediakan hidangan daging babi dan alkohol.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menyedari bahawa perkhidmatan restoran dan syarikat makanan di Malaysia meliputi perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan daging babi dan alkohol serta yang sebaliknya. Mengenai isu mewajibkan pensijilan Halal, Kerajaan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 18 September 2024, telah bersetuju untuk **mengekalkan dasar sedia ada** iaitu **permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM)** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Malaysia (MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) adalah **bersifat sukarela** sejak ia mula dilaksanakan pada tahun 1974 dan perkara ini telah diperkukuhkan melalui Akta Perihal Dagangan 2011.
2. Dasar sedia ada ini bermaksud bahawa dasar ini adalah terbuka kepada mana-mana industri yang bersedia mematuhi semua keperluan, piawaian dan standard pensijilan halal Malaysia.

3. Sesungguhnya pemilikan SPHM memberikan nilai tambah kepada bukan sahaja kepada industri tetapi juga kepada pengguna kerana sijil halal itu sendiri merupakan satu jaminan bahawa produk atau premis makanan tersebut adalah halal dan toyyiban.
4. Kenyataan media mengenai perkara ini juga telah dijelaskan oleh YAB Dato' Seri Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH) pada 18 September 2024.
5. Berkaitan dengan premis yang menggunakan istilah 'tiada babi, tiada alkohol' atau dengan izin '*no pork, no alcohol*', perkara ini tidak mencerminkan bahawa premis makanan tersebut adalah halal. Istilah halal adalah merujuk kepada setiap produk atau premis makanan atau barang gunaan menepati aspek Syariah, kesihatan, kebersihan, keselamatan dan kualiti.
6. Sehubungan itu, JAKIM sentiasa mempertingkatkan kesedaran semua pihak mengenai kepentingan serta kebaikan SPHM dalam industri makanan dan perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN
BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan langkah komprehensif dan bersepadu yang diambil oleh Kementerian bagi memperkukuh dan memperketatkan kawalan sempadan khususnya di Parlimen Kalabakan bagi menangani masalah penyeludupan barang kawalan, bersubsidi dan tidak bercukai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa menambahbaik tindakan bagi menangani masalah penyeludupan barangan keperluan yang bersubsidi terutama di sempadan negara termasuk di Parlimen Kalabakan, Sabah. Dua pendekatan perundangan telah dilaksanakan oleh KPDN iaitu tindakan dari segi pencegahan dan juga tindakan penguatkuasaan.

Bagi mencegah ketirisan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi petroleum di seluruh sempadan negara, Kementerian telah mengeluarkan Arahan Pengawal Bekalan yang berkuatkuasa pada 17 Jun 2022 iaitu arahan kepada pemegang lesen runcit bagi pengusaha stesen minyak berkaitan penjualan Petrol RON95, RON 97 dan Diesel.

Dari segi penguatkuasaan barang kawalan bersubsidi, KPDN telah mengambil beberapa tindakan seperti:

1. Melaksanakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 melalui Ops Tiris dijalankan bermula pada Mac 2023;
2. Pelaksanaan larangan eksport bagi barang kawalan bersubsidi seperti tepung gandum, gas petroleum cecair, Petrol RON95, diesel serta minyak masak sawit tulen dalam bungkusan polibeg bagi mengekang ketirisan barang bersubsidi di sempadan negara;
3. Tindakan mengawal selia operasi stesen-stesen minyak di negeri bersempadan melalui pelaksanaan Buku Log dan Peti Lawatan yang telah dilaksanakan sejak Tahun 2021 dan akan diperluaskan di stesen-stesen minyak di negeri Sarawak, Sabah dan Labuan; dan
4. Menjalankan operasi bersepadu secara berkala dengan agensi-agensinya penguatkuasaan lain seperti ESSCOM, Angkatan Tentera Diraja Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Sebagai contoh, Pegawai Penguat kuasa KPDN

telah melakukan operasi bersepadu di Jeti CIQ Lama Tawau yang terletak dalam Parlimen Kalabakan sejak tahun 2020 hingga ke hari ini.

Untuk memastikan bekalan barang kawalan sampai kepada golongan sasar di Parlimen Kalabakan, KPDN telah melaksanakan Program Rintis Penyasaran Komuniti Penerima Bersempadan dengan penggunaan Kad Kawalan Bekalan di kawasan Sungai Tongkang. Pelaksanaan Kad Kawalan Bekalan ini membolehkan KPDN memantau penghantaran, penerimaan dan penjualan barang kawalan bersubsidi secara langsung semasa transaksi berlaku dan dapat memberi gambaran sebenar keperluan barang kawalan di kawasan tersebut.

Selain itu, KPDN juga telah melancarkan Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan (KITA GEMPUR) sebagai inisiatif kerajaan untuk melibatkan semua pihak sama ada agensi kerajaan, pemain industri dan orang ramai dalam usaha membanteras penyelewengan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi, serta mengatasi manipulasi dalam aktiviti perniagaan seperti penipuan dalam talian dan pakatan kartel.

Dalam Program KITA GEMPUR di Tawau pada 28 Oktober 2024, sebanyak 99 rakan strategik KPDN yang terdiri daripada 30 *transporter* di bawah Program Pengedaran Barang Perlu, 7 Syarikat Pembungkus Minyak Masak di bawah Program Cooking Oil Stabilization Scheme (COSS), 21 pemborong dan peruncit utama, 12 wakil pengguna serta 29 pengusaha stesen minyak di daerah Tawau telah menzahirkan komitmen melalui surat aku janji untuk terlibat dalam inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) ekoran insiden tanah jerlus di Jalan Masjid India termasuk status laporan teknikal hasil siasatan berkaitan geologi dan struktur bawah permukaan dengan kerjasama Task Force Struktur Tanah Masjid India.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan insiden tanah jertus di Jalan Masjid India, Kementerian ini melalui Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah menyediakan Laporan Teknikal Sektorial berhubung insiden tersebut. Laporan ini memberi fokus kepada penganalisan data, hasil aktiviti pemetaan subpermukaan melalui survei geofizik menggunakan peralatan *Ground Penetrating Radar* (GPR) dan mengenal pasti tiada rongga batu kapur di zon-zon yang mengalami deformasi struktur tanah.
2. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengguna pakai hasil laporan ini bagi menjalankan siasatan tapak secara terperinci melalui kaedah lubang gerudi (*borehole*) dan Ujian *Proba Mackintosh* (ujian penentuan keupayaan tanah) bagi memperolehi profil subpermukaan terperinci, memastikan integriti struktur tanah dan mempertimbangkan tindakan mitigasi yang sesuai.
3. Kementerian ini melalui JMG juga sedang menambah baik dan melengkapkan maklumat subpermukaan kawasan Lembah Klang yang meliputi 10 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) melalui Projek Pemetaan Geologi Subpermukaan Greater KL (3DKL). Projek ini berupaya menyediakan data dan maklumat geologi subpermukaan untuk pengurusan risiko bencana geologi termasuk kejadian mendapan tanah dan tanah jertus. Data ini juga akan digunakan untuk perancangan pelan pembangunan khususnya di kawasan bawah tanah (*stratum*).
4. Dalam konteks pengurusan bencana geologi tanah jertus, Kementerian ini melalui JMG berperanan menyediakan khidmat nasihat teknikal geosains melalui langkah-langkah pencegahan, mitigasi, adaptasi dan pemantauan. Antara langkah pencegahan tersebut adalah:-
 - i. pelaksanaan pemetaan bahaya dan risiko di lokasi tanah jertus yang terancam serta didasari batu kapur;
 - ii. pemantauan berterusan pergerakan tanah melalui penderiaan jauh (*remote sensing*);
 - iii. penyiasatan tapak yang komprehensif; dan
 - iv. penyediaan sistem saluran utiliti yang efisien.

5. Di samping itu, aktiviti pembangunan dan pembinaan yang melibatkan kerja-kerja seperti pengepaman air bawah tanah, penggerudian, penerowongan dan perlombongan juga perlu dikawal bagi mengelakkan gangguan kepada regim air bawah tanah dan gegaran pada tanah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE
BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL [SEMPORNA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil Mesyuarat Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) mengenai penambahan bilangan kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak dan garis masa yang ditetapkan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan MADANI melihat isu ini sebagai suatu langkah yang signifikan untuk memastikan keseimbangan politik, mengiktiraf kedudukan istimewa Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia dan menghormati jaminan autonomi yang termaktub dalam MA63.
2. YAB Perdana Menteri pada 14 Oktober 2024 di dewan yang mulia ini telah memaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 Bilangan 1 Tahun 2024 pada 12 September 2024 telah bersetuju dan memutuskan supaya Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bersama-sama Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Sarawak bagi meneliti semula tuntutan berhubung pertambahan Ahli Dewan Rakyat membabitkan dua negeri itu, dari sudut perundangan.
3. Mesyuarat tersebut juga telah memutuskan agar Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bersama-sama Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak bagi meneliti semula tafsiran dan legitimasi *safeguard* ini dari sudut perundangan.
4. Selain itu, bagi memastikan perkara ini dapat direalisasikan selaras dengan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa, Kerajaan melalui Suruhanjaya Pilihan Raya bertanggungjawab melaksanakan Urusan Kajian Semula Persempadanan berdasarkan keperluan di bawah Fasal (2) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan serta menurut prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan sebagaimana Bahagian I dan II Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8

tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri- Negeri Tanah Melayu akan berakhir pada tahun 2026.

5. Tambahan pula, cadangan bagi pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat daripada Sabah dan Sarawak tersebut, Kerajaan perlulah meminda Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan berkaitan komposisi Ahli Dewan Rakyat terlebih dahulu dan pindaan ini perlu mendapat persetujuan $2/3$ daripada jumlah Ahli Dewan Rakyat, sebelum apa-apa keputusan dapat dipertimbangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD**
[JERLUN]
TARIKH : **12 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah bentuk sokongan Kerajaan Persekutuan yang diberikan kepada negeri Kedah dalam merealisasikan Tahun Melawat Kedah 2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) (RP1 sehingga RP4), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak RM11,362,385.00 bagi melaksanakan 54 projek kepada Negeri Kedah.

2. MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan produk-produk pelancongan baharu selaras dengan halatuju dan keutamaan Kerajaan Negeri Kedah melalui Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah bagi membantu menaiktaraf infrastruktur kemudahan pelancongan di Negeri Kedah demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus dapat membantu dalam merencanakan sambutan Tahun Melawat Kedah 2025.

3. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya Tourism Malaysia kekal komited dalam mempromosikan sektor pelancongan domestik secara berterusan bagi memastikan pertumbuhan industri pelancongan domestik positif. Antara usaha yang dilaksanakan bagi menjayakan penganjuran Tahun Melawat Kedah yang akan diadakan pada tahun 2025 adalah:

- i) Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej di Negeri Kedah yang lebih menarik dan berdaya maju;

NO SOALAN : 18

- ii) Menjemput pemain industri dari negeri Kedah untuk menyertai misi jualan dan pemasaran;
- iii) Mengadakan program lawatan suai kenal melibatkan media cetak, media elektronik dan *influencer* ke negeri Kedah;
- iv) Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran di kawasan pelancongan di Negeri Kedah;
- v) Menyokong agensi pelancongan dengan membiayai kos mencetak Fun Map Negeri untuk diletakkan di premis pelancongan seperti di Terminal Feri, hotel-hotel di sekitar negeri Kedah dan pejabat SUK Kedah;
- vi) Menyebarkan maklumat produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat-pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh Malaysia dan Pejabat Luar Negara serta melalui laman web Tourism Malaysia;
- vii) Penyebaran maklumat pelancongan di Kedah yang lebih meluas terutamanya secara atas talian di laman sesawang www.malaysia.travel, media sosial rasmi Tourism Malaysia, *influencer* media sosial serta e-brochure; dan
- viii) Mempromosikan Kedah di serata dunia melalui program-program peringkat antarabangsa yang disertai dengan menggunakan slogan *Malaysia Truly Asia*. Antara program-program promosi antarabangsa yang disertai termasuklah International Tourisme Borse (ITB) di Berlin, Arabian Travel

NO SOALAN : 18

Mart (ATM) di Dubai dan ASEAN Tourism Forum (ATF) di negara-negara ASEAN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia mengenai kapal-kapal Pengawal China yang dikesan memasuki Perairan ZEE Malaysia dan bagaimana Malaysia dapat menangani konflik sempadan di perairan Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Port Dickson** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia tidak pernah mengiktiraf tuntutan China di Laut China Selatan, berdasarkan Peta 9-Garis, atau dengan izin, *Nine Dash Line map*, konsep Empat-Sha, atau dengan izin, *Four Sha concept* atau mana-mana peta yang diterbitkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China, yang meliputi kawasan maritim Malaysia.

3. Kerajaan Malaysia tegas menolak tuntutan kedaulatan, hak kedaulatan dan bidang kuasa China ke atas fitur maritim atau kawasan maritim di Laut China Selatan, yang meliputi kawasan maritim Malaysia berdasarkan Peta Baru Malaysia 1979 kerana ia tidak konsisten dengan undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 1982 (KUUL 1982).

4. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri secara konsisten telah dan akan mengemukakan Nota Bantahan kepada negara-negara yang berkenaan, sekiranya kapal dan aset-aset milik Kerajaan negara-negara tersebut didapati mencerooboh perairan negara ini. Ini adalah selari dengan pendirian tegas negara dalam memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara akan terus kekal terpelihara.

5. Hal ini juga selaras dengan pendirian tegas negara yang mana semua pihak perlu mengelak tindakan yang boleh menimbulkan ketegangan dan bersifat provokatif, dan mengamalkan pendekatan, dengan izin, *self-restraint*, dan mengelak tindakan berkaitan ketenteraan, atau dengan izin, *militarisation*.

6. Kerajaan Malaysia menerusi Majlis Keselamatan Negara (MKN), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sentiasa memberikan perhatian serius terhadap keselamatan di kawasan perairan negara. Semua agensi penguatkuasa dan pemantauan maritim negara amat komited dalam tindakan-tindakan yang diambil termasuklah rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan di dalam kawasan maritim Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah kesan terhadap kedudukan kewangan Petroliam Nasional Berhad (Petronas) ekoran langkah Petroleum Sarawak Bhd (Petros) yang mengambil alih aktiviti jual beli dan perolehan gas dan minyak (O&G) negara di Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setakat ini, perundingan antara PETROS dan PETRONAS masih sedang dijalankan. Kesan terhadap kedudukan kewangan PETRONAS hanya akan diketahui setelah keputusan daripada perundingan tersebut adalah muktamad.
2. Namun demikian, semua pihak yang terlibat berusaha untuk memastikan bahawa keputusan yang dicapai memelihara kepentingan negara dan tidak menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN SUHAIZAN BIN KAIAT [PULAI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan punca penolakan Pembangkang terhadap Perjanjian Peruntukan Parlimen dan perbezaan perjanjian sekarang dengan era Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob menjadi Perdana Menteri.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyediaan draf Perjanjian Persefahaman (MoU) yang disediakan oleh pihak Kerajaan MADANI ini telah mendapat maklum balas dan persetujuan daripada kesemua wakil whip parti gabungan yang membentuk Kerajaan MADANI sebelum ianya dikemukakan kepada Ketua Whip Pembangkang secara rasmi pada 1 Ogos 2024.

2. Namun, tanpa sebarang maklum balas terus kepada Kerajaan, pihak Pembangkang sebaliknya telah membuat kenyataan media pada 14 September 2024 untuk menolak draf MoU yang telah dikemukakan tersebut atas alasan yang berikut:

- i) boleh menjejaskan hak keistimewaan orang Melayu dan Bumiputera yang dijamin mengikut Perlembagaan Persekutuan;
- ii) bertentangan dengan nilai tradisi, budaya, moral, agama serta nilai-nilai tempatan;
- iii) tidak mempunyai mekanisme yang jelas yang boleh membuka ruang kepada berlakunya pelanggaran, mungkir janji atau ketidakpatuhan secara sebelah pihak; dan
- iv) mengongkong kebebasan bersuara Ahli Parlimen.

3. Ini amat berbeza ketimbang semasa pentadbiran YBhg. Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob ketika beliau menjadi Perdana Menteri di mana beberapa siri rundingan telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bersama pihak pembangkang. Draf MoU yang disediakan oleh Kerajaan

NO SOALAN : 21

pada ketika itu telah dipinda berkali-kali berdasarkan perbincangan daripada kedua-dua pihak sebelum mencapai kata sepakat dan dimuktamadkan.

4. Kerajaan sentiasa terbuka dan membuka ruang agar hal ini dirunding sehingga mencapai kesepakatan di antara semua pihak. Jalinan kerjasama yang harmoni amat penting memandangkan semua Ahli Parlimen punyai tanggungjawab besar dan memainkan peranan penting dalam semak dan imbang perkara berkaitan dengan dasar Kerajaan demi kepentingan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan berkenaan penyelewengan dan penyeludupan LPG bersubsidi bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2023 :

- (a) jumlah operasi dan tangkapan yang dilaksanakan serta jumlah kerugian yang ditanggung; dan
- (b) tindakan pencegahan bagi mengelakkan aktiviti penyeludupan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Gas petroleum cecair (LPG) adalah merupakan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang dikawal selia oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup.

Bagi tempoh Januari 2022 hingga Disember 2023, sebanyak 176 kes berkenaan penyelewengan dan penyeludupan LPG bersubsidi telah dihasilkan melibatkan nilai rampasan sebanyak RM726,618.00.

Antara langkah pencegahan yang diambil bagi mengelakkan penyeludupan dan penyeludupan adalah melalui pelaksanaan Permit Barang Kawalan Berjadual. Sekiranya mana-mana orang yang menjalankan perniagaan atau perdagangan, menggunakan atau mengambil serta dalam milikannya melebihi 42 kg LPG perlu memohon kebenaran Pengawal Bekalan melalui Permit ini. Kawalan ini bagi memastikan hanya pihak yang dibenarkan sahaja boleh menyimpan LPG dengan kadar yang dimohon.

Kesalahan yang berkaitan dibawah Akta Kawalan Bekalan 1961 juga telah dikemaskini dari masa ke semasa. Pada tahun 2015, penalti bagi kesalahan di bawah Akta ini telah dipinda dimana boleh dikenakan denda bagi individu iaitu tidak melebihi satu juta Ringgit Malaysia atau penjara tidak lebih 3 tahun atau kedua-duanya. Bagi syarikat boleh didenda tidak melebihi dua juta ringgit dan bagi kesalahan kedua tidak melebihi lima juta ringgit.

KPDN turut mengadakan operasi bersepadu bersama agensi penguatkuasaan lain di sempadan seperti Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain agensi bagi memastikan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih holistik dan efisien.

Kerajaan secara berterusan melakukan penguatkuasaan dan mengambil tindakan berkaitan aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan bersubsidi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN
HAJI ALIAS
[JELEBU]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan dasar atau agenda utama yang ingin dibawa oleh Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dan apakah sasaran atau objektif yang ingin dicapai oleh pihak Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Jelebu** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia akan mengambil alih peranan selaku Pengerusi ASEAN secara rasmi mulai 1 Januari 2025 untuk tempoh setahun.

3. Selaras dengan nilai-nilai teras dan aspirasi Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tema Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025 adalah 'Keterangkuman', atau dengan izin, *Inclusivity*, dan 'Kemampuan', atau dengan izin, *Sustainability*. Tema ini akan mengetengahkan kepimpinan negara dalam menyumbang ke arah pengukuhan Komuniti ASEAN yang lebih inklusif dan mampan. Nilai-nilai ini akan diterapkan Malaysia merentasi kesemua aspek kerjasama ASEAN semasa Kepengerusiannya demi pertumbuhan dan daya tahan rantau ini.

4. Selaku Pengerusi pada tahun 2025, Malaysia akan berusaha untuk mengukuhkan kepusatan ASEAN dan memupuk kepercayaan strategik dan keyakinan bersama melalui dialog berterusan, diplomasi, dan kerjasama baik dengan Negara-Negara Anggota ASEAN lain.

5. Selain itu, hubungan ASEAN dengan Rakan Dialog dan Rakan Luarnya akan terus diperkukuhkan demi mengekalkan arkitektur serantau yang lebih terbuka, inklusif, dan berlandaskan peraturan.

6. Dari aspek ekonomi, tumpuan akan ditujukan kepada peningkatan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN dengan memanfaatkan kekuatan ekonomi masing-masing serta transformasi digital. Kerjasama ekonomi dengan rakan kongsi global juga akan ditingkatkan dengan memajukan kerjasama teknologi dan mempromosikan amalan perdagangan yang mampan seperti inovasi dalam teknologi hijau.

NO SOALAN : 23

Dalam hubungan ini, penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN-GCC+China mencerminkan komitmen ASEAN untuk terus bekerjasama dengan komuniti global ke arah ekonomi serantau yang berdaya tahan.

7. Dari aspek sosio-budaya, Malaysia akan mempromosikan sebuah Komuniti yang inklusif, mampan, dan berdaya saing. Ini bertujuan memastikan kemakmuran bersama terutamanya dalam kalangan kumpulan rentan, agar tiada yang tertinggal. Tumpuan juga akan diberikan kepada peningkatan taraf hidup dan pembangunan modal insan, serta usaha untuk mengurangkan kesan perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar.

8. Semasa Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025, ASEAN akan turut melancarkan Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan-pelan Strategiknya yang akan melakar hala tuju strategik rantau ini bagi dua puluh (20) tahun akan datang. Sebagai Peneraju Utama, atau dengan izin, *Permanent Shepherd*, visi ini, Malaysia akan memastikan visi ini menyumbang kepada keamanan, kestabilan dan kerjasama berkekalan di rantau ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI TUAN IBHARIM BIN TUAN MAN [KUBANG KERIAN]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) sejauh mana usaha pertukaran hak milik peneroka melalui penyeragaman sistem pengurusan FELDA dilakukan; dan
- (b) apakah cadangan peruntukan baharu yang akan diwujudkan bagi kemudahan peneroka FELDA seperti yang dimaklumkan dalam persidangan Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut peraturan yang berkuatkuasa ketika ini, FELDA akan mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri supaya dikeluarkan surat hak milik kepada peneroka-peneroka yang telah selesai bayaran hutang kepada FELDA dan juga kepada Kerajaan Negeri. Peraturan tersebut adalah selaras dengan peruntukkan yang terkandung dalam Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 dan juga terkandung dalam Perjanjian antara FELDA dan Peneroka. Surat hakmilik adalah dikeluarkan di bawah kuasa Kerajaan Negeri dan melibatkan Jabatan Tanah dan Galian, Pejabat Tanah Daerah dan Jabatan Ukur Negeri. Sehingga 7 Oktober 2024 seramai 107,453 orang peneroka atau 95% telah menerima hak milik.

Sejak YAB TPM mempengerusikan Mesyuarat Koordinasi KKDW dan FELDA pada 9 Januari 2024 yang lalu, pihak FELDA telah dijemput untuk turut hadir di dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KKDW dan Mesyuarat Pengurusan Kanan KKDW yang diadakan secara mingguan. Jalinan ini telah memberi peluang kepada KKDW untuk lebih memahami dan memberi sokongan serta bantuan yang diperlukan kepada FELDA.

Buat masa ini, KKDW dan FELDA sedang memberi tumpuan kepada pembangunan **TVET** dan **modal insan** FELDA khususnya dalam penyertaan generasi FELDA di dalam program TVET@KKDW. Bagi kemasukan Julai 2024, seramai 146 orang generasi telah membuat permohonan untuk mengikuti TVET@KKDW, 59 orang yang berkelayakan telah dikenalpasti dan 41 orang generasi telah membuat pendaftaran masuk. Bagi kemasukan Januari 2025, proses iklan dan hebahan bagi tawaran kemasukan akan diadakan pada 1 Oktober – 15 November 2024.

KKDW bersama FELDA sedang berusaha untuk meningkatkan penyertaan daripada generasi FELDA dalam program TVET ini. Tumpuan awal akan diberikan di FELDA Wilayah Kuantan yang mempunyai jumlah generasi FELDA yang paling ramai iaitu lebih kurang 74 ribu orang generasi yang tinggal di dalam rancangan FELDA. Di samping itu, usaha ini juga akan melibatkan Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) yang akan memainkan peranan penting sebagai pelaksana dan penggerak dalam mengenalpasti generasi yang berpotensi.

Pihak MARA juga telah memberikan kuota kepada FELDA seramai 100 orang bagi kemasukan ke Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) dan MARA Japan Industrial Institute (MJII) bagi kemasukan Julai 2024.

Selain daripada itu, pihak KKDW melalui MARA juga telah bersetuju agar program pengajian di Maktab Rendah Sains Mara Ulu Albab FELDA di Trolak, Perak untuk diadakan secara hibrid di mana MRSM berkenaan akan menawarkan kedua-dua program pengajian iaitu program Ulu Albab dan Program Premier. Sehingga kini, kemasukan pelajar tingkatan 1 bagi tahun 2024 ke MRSM Ulu Albab FELDA ialah seramai 136 orang pelajar.

Untuk program **usahawan** FELDA, geran sebanyak RM1juta di bawah Program Desa Lestari telah diberikan kepada Kampung D'Pasoh di rancangan FELDA Pasoh 4. Bantuan geran ini bertujuan untuk mewujudkan komuniti desa yang berpendapatan tinggi melalui penglibatan dalam pelbagai aktiviti ekonomi dan peluang pekerjaan yang semakin meluas di desa melalui Koperasi Komuniti sebagai penggerak. Selain itu, FELDA juga telah dilibatkan sama dalam aktiviti anjuran KKDW seperti Program Pendigitalan Usahawan (PPU) yang telah dilaksanakan sebanyak 3 siri yang melibatkan FELDA termasuk yang terbaharu di Tawau, Sabah. Buat masa ini, PPU telah memberi impak kepada 85 orang usahawan FELDA dan dijangka akan mencapai lebih ramai usahawan FELDA lagi. Untuk rekod, FELDA mempunyai 15,725 orang usahawan dan maklumat usahawan ini telah dimasukkan

ke dalam database KKDW untuk pelaksanaan program dan pemberian bantuan perniagaan yang berkaitan di masa akan datang.

Dalam aspek **perladangan** pula, pihak KKDW melalui RISDA telah meluluskan pemberian Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) kepada peneroka getah FELDA yang berkelayakan. Setiap tahun, bantuan kewangan beranggaran RM9 juta adalah diperuntukkan untuk FELDA. Usaha lain yang bertujuan untuk meningkatkan hasil dan produktiviti tanaman yang melibatkan agensi-agensi perladangan di bawah KKDW termasuk FELCRA dan RISDA juga sedang dalam perbincangan dan dilaksanakan secara bersepadu.

Dalam aspek **kesihatan**, pihak KKDW menyokong pembinaan Pusat Dialisis tambahan di dalam Rancangan FELDA untuk membantu warga FELDA dan penduduk tempatan yang memerlukan untuk mendapatkan rawatan dialisis. Namun perkara ini akan dilaksanakan apabila 12 Pusat Dialisis yang disasarkan bagi tahun 2024 – 2025 siap dibina dan beroperasi terlebih dahulu. Buat masa ini, 2 Pusat Dialisis telah siap dibina dan 6 dalam pembinaan (jangka siap 2024) dan 4 lagi dalam pembinaan (jangka siap tahun 2025).

Selain perkara-perkara di atas, pihak KKDW juga melihat kepada keperluan **infrastruktur** di Rancangan FELDA termasuk jalan perhubungan desa, lampu jalan dan lain-lain. Perkara ini masih di dalam perbincangan dan KKDW akan memastikan agar FELDA tidak akan ketinggalan untuk menerima manfaatnya bersama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan pihak JAKIM untuk menarik lebih ramai pengusaha Bumiputera dalam memiliki sijil halal bagi produk mereka kerana jika merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM, 72 peratus produk yang memiliki status halal adalah milik bukan Bumiputera.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod terkini sehingga 10 November 2024, jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) ialah 9,520 syarikat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,449 syarikat adalah pemegang SPHM di kalangan Bukan Bumiputera, dengan nisbah 57 peratus, manakala jumlah pemegang SPHM Bumiputera ialah sebanyak 3,803 syarikat iaitu 40 peratus dan baki 3 peratus (268 syarikat) adalah di kalangan pemegang SPHM milikan asing.

2. Dalam usaha untuk menarik lebih ramai pengusaha Bumiputera memiliki sijil halal, Kerajaan melalui JAKIM dan MAIN/JAIN sentiasa mencari pendekatan yang terbaik bagi mencapai matlamat tersebut. Kerjasama strategik bersama pihak yang berkepentingan seperti MARA, TERAJU, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan agensi pembimbing telah dilaksanakan dari semasa ke semasa sama ada dalam bentuk sesi libat urus, penganjuran program bimbingan dan kesedaran serta lain-lain. Antara penglibatan JAKIM bersama agensi terlibat adalah;

- a. Pada 24 Julai 2024, pihak MARA telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Rangka Kerja Program Pembangunan Halal. Wakil JAKIM yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Pengurusan

Halal telah hadir untuk memberikan taklimat mengenai peranan JAKIM dan proses persijilan halal Malaysia. Sebagai makluman bersama, MARA melalui Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) merupakan pelaksana Program Persijilan, antaranya termasuk menguruskan permohonan usahawan untuk memiliki pensijilan halal.

- b. Sebanyak dua siri Perbincangan Meja Bulat (*Round Table Discussion*) telah dilaksanakan oleh JAKIM pada 21 Februari 2024 dan 16 Ogos 2024 bersama 20 agensi pembimbing yang terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan/agensi dan swasta yang terlibat dalam pembangunan usahawan di Malaysia. Hasil daripada pelaksanaan RTD ini, satu pelan perancangan strategik bagi melahirkan lebih ramai usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Bumiputera yang memperolehi pensijilan halal akan dibangunkan.
- c. Beberapa siri libat urus bersama pihak Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) juga diadakan bagi membincangkan kerjasama yang boleh dilaksanakan antara DPMM dan JAKIM di peringkat domestik dan antarabangsa. Sejalan dengan rangka kerjasama tersebut, DPMM telah turut terlibat sebagai pempamer sewaktu berlangsungnya program *Halal on Track* (HoT) di Johor dan Pahang. Manakala di peringkat pasca program HoT pula, JAKIM akan bekerjasama dengan DPMM untuk melaksanakan langkah susulan kepada para usahawan yang hadir sebagai peserta dalam program tersebut.

- d. Program *Road to Halal* sebanyak 3 siri telah diadakan bersama dengan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) pada tahun 2024. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada Sahabat Usahawan AIM berkenaan penyediaan makanan, minuman dan produk kecantikan serta pendedahan tentang permohonan pensijilan Halal secara atas talian. Selain itu, matlamat program ini adalah untuk membantu menaik taraf Sahabat Usahawan AIM ke satu tahap yang lebih cemerlang.
 - e. Sebanyak 4 siri program pemahaman asas pensijilan halal telah dilaksanakan melalui kerjasama JAKIM dengan *Islamic Tourism Centre* (ITC), yang melibatkan pihak pengusaha hotel, premis penginap pelancong serta pemandu-pemandu pelancong yang berdaftar di bawah ITC. *Muslim-Friendly Tourism and Hospitality Assurance and Recognition* (MFAR) merupakan pengiktirafan bagi Pelancongan dan Hospitaliti Mesra-Muslim (*Muslim-Friendly Tourism and Hospitality – MFTH*) yang dikeluarkan oleh ITC. Salah satu syarat bagi mendapatkan pengiktirafan MFAR adalah premis perlu mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) dapur yang mempunyai pensijilan halal. Di samping itu, prosedur sertu juga merupakan salah satu keperluan am bagi mendapatkan pengiktirafan MFAR untuk skim premis makanan.
3. Selain itu, JAKIM juga telah melaksanakan beberapa siri perbincangan dengan GIATMARA di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi pelaksanaan program pengiktirafan pensijilan halal. Langkah ini bertujuan memperkukuh kesedaran serta kefahaman pelatih GIATMARA mengenai keperluan persijilan halal. Usaha ini seiring

dengan aspirasi memperkasakan sektor latihan vokasional Bumiputera yang berdaya saing dalam industri halal. Hasil kerjasama JAKIM – GIATMARA ini, sebanyak enam pusat latihan GIATMARA berjaya memperolehi pensijilan halal bagi skim premis makanan pada tahun 2024. Ini menandakan satu pencapaian awal yang membanggakan dan menyediakan asas untuk perluasan persijilan Halal di beberapa pusat Latihan GIATMARA pada masa akan datang.

4. JAKIM dan MAIN/JAIN akan terus merangka kerjasama strategik dengan semua pihak berkepentingan bagi meningkatkan jumlah penglibatan usahawan bumiputera dalam persijilan Halal. Perbincangan bersama Agensi Pembimbing akan terus dilaksanakan bagi memastikan hasrat ini tercapai. Antara perancangan khusus yang telah disusun bersama GIATMARA pada masa ini ialah mensasarkan 12 lagi pusat Giatmara untuk mendapatkan pensijilan halal bagi skim premis makanan menjelang tahun 2025.

5. Selain itu, JAKIM juga merancang untuk meneruskan pelaksanaan program HoT di beberapa lokasi yang telah dikenalpasti bersama pihak MAIN/JAIN pada tahun 2025. Program berskala besar yang menjadi platform untuk mendapat maklumat dan bimbingan persijilan halal ini dijangka akan terus mendapat sambutan daripada para usahawan dan pihak industri.

6. Bagi pihak Kerajaan, saya amat berharap agar lebih ramai usahawan bumiputera akan berusaha memperolehi sijil pengesahan halal Malaysia. InsyaAllah, melalui panduan dan bimbingan yang dilaksanakan

NO SOALAN : 25

oleh pelbagai agensi, segala kesukaran yang dihadapi pengusaha akan dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB
[MARAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kementerian dalam menangani kes kematian bayi / kanak-kanak akibat didera di rumah pengasuh atau di taman asuhan kanak-kanak yang kini semakin kerap berlaku dan membimbangkan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [*Akta 308*] dan Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*] sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha mengurangkan risiko berlakunya kes melibatkan kecuaiian, pengabaian dan penderaaan kanak-kanak di Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA).

2. Pada 10 April 2023, JKJ telah menguatkuasakan **Garis Panduan Khas Tindakan Penguatkuasaan Lak Dan Perintah Penutupan Ke Atas Taman Asuhan Kanak-Kanak Serta Pusat Jagaan Yang Dalam Siasatan Polis**. Garis Panduan Khas ini adalah untuk memastikan tindakan segera dan tegas terutamanya bagi kes penderaaan, pengabaian atau mendatangkan bahaya kepada kanak-kanak atau penghuni di premis tersebut.

3. Sehingga September 2024, sebanyak 23 Tindakan Penguatkuasaan telah diambil di bawah Garis Panduan ini. Tindakan ini merangkumi:

- (a) **14 tindakan Lak (*sealed*) ke atas TASKA tidak berdaftar; dan**
- (b) **sembilan (9) tindakan Perintah Penutupan Sementara ke atas TASKA berdaftar.**

4. Daripada jumlah tersebut, **tiga (3) adalah berkaitan kes kematian dan 20 kes adalah berkaitan aduan penderaaan.**

5. KPWKM dan JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif sebagai usaha untuk mencegah serta mengurangkan risiko daripada berlakunya kejadian yang tidak diingini di TASKA seperti penderaan, pengabaian atau kecuiaan. Antaranya termasuklah:

- (i) Mengeluarkan **Garis Panduan Keselamatan Kanak-Kanak Di Taman Asuhan Kanak-Kanak Berdaftar** yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2024.

Garis Panduan yang ditambah baik ini memberi lebih penekanan terhadap aspek keselamatan kanak-kanak di TASKA seperti **memperincikan keperluan pemasangan CCTV di TASKA**. Selain itu, penambahbaikan baru adalah mewajibkan TASKA mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan yang telah menghadiri **kursus pertolongan cemas dan CPR**;

- (ii) Mengarahkan Pegawai Diberi Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan berkala dan mengejut ke TASKA bagi memastikan semua standard minimum yang ditetapkan oleh Akta dan Peraturan dipatuhi;
- (iii) Melaksanakan program kesedaran dan advokasi masyarakat agar menjadi agen “mata dan telinga” JKM untuk melaporkan kejadian-kejadian yang disyaki melanggar Akta dan peraturan-peraturan yang ditetapkan;
- (iv) Sehingga 5 November 2024, sebanyak 327 buah sekolah terpilih di seluruh negara telah terlibat dalam Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak melibatkan

174,079 peserta. Diantara pengisian program ini ialah sesi ceramah interaktif mengenai hak kanak-kanak oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), keselamatan kanak-kanak oleh PDRM, ceramah interaktif buli siber oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan ceramah interaktif antigangguan seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW); dan

- (v) Menyediakan perkhidmatan Talian Kasih 15999 yang membolehkan sebarang aduan penderaan dilaporkan pada bila-bila masa.

6. TASKA yang berdaftar bukan sahaja boleh memastikan kualiti dan standard asas perkhidmatan yang disediakan oleh premis dan pengasuh tetapi juga dapat mengurangkan risiko berlakunya kecuaiian dan penderaan terhadap kanak-kanak di TASKA. Justeru, saya menyeru kerjasama semua pihak, termasuklah ibu bapa dan orang awam, untuk melaporkan kewujudan TASKA tidak berdaftar. Keperluan pendaftaran ini adalah demi memastikan TASKA beroperasi mengikut standard dan amalan terbaik bagi mengurangkan risiko kepada insiden yang tidak diingini serta keselesaan dan keselamatan anak-anak kita.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil Lawatan Negara Duli Yang Maha Mulia Yang di Pertuan Agong ke Beijing, China dan jangka waktu untuk lawatan balas dari Presiden China ke Malaysia.

JAWAPAN

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Cheras** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Tahun ini merupakan tahun yang bersejarah untuk Malaysia dan China selepas Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussein menjadi pemimpin ASEAN yang pertama menjalinkan hubungan diplomatik dengan China pada tanggal 31 Mei 1974. Hubungan dua hala kemudiannya dinaiktaraf ke peringkat Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) pada tahun 2013.

3. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, tahun ini merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik Malaysia dan China. Pelbagai program telah dianjurkan untuk meraikan ulang tahun tersebut termasuk 37 pertukaran lawatan tinggi oleh kedua-dua pihak pada tahun ini termasuk Lawatan Negara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (KDYMM SPB) Sultan Ibrahim dari 19 hingga 22 September 2024.

4. Lawatan ini merupakan Lawatan Negara pertama Seri Paduka Baginda ke China sejak menaiki takhta pada 31 Januari 2024. Keberangkatan Seri Paduka Baginda telah diiringi oleh Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor; Yang Berhormat Tuan Anthony Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan, selaku Menteri Pengiring; dan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Semasa lawatan tersebut, pelbagai peluang kerjasama di antara Malaysia dan China telah dibincangkan dan banyak persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua negara. Ini merangkumi bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan, pertanian, agri komoditi, pelancongan, kesalinghubungan, atau dengan izin *connectivity*, hubungan antara rakyat dan sebagainya.

6. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak China bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama sedia ada di samping meneroka peluang kerjasama baharu di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI). Kerjasama lain merangkumi perkongsian pakar dan teknologi dalam bidang pertanian, pembasmian kemiskinan tegar, tenaga boleh baharu, semikonduktor, kecerdasan buatan dan ekonomi digital.

7. China juga bersetuju menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan berkaitan TVET. China merupakan sebuah negara yang amat maju dalam TVET terutamanya pendidikan berkaitan automotif.

8. Hasil lain yang turut dicapai melalui lawatan ini adalah termasuk pengeksporan durian segar Malaysia ke China bermula 24 Ogos 2024 dan peningkatan penerbangan terus antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua,

9. Lawatan Negara Seri Paduka Baginda ke China telah disambut dengan meriah oleh Kerajaan China. Ini amat jelas semasa Istiadat Majlis Sambutan Negara dan Majlis Santapan Negara yang dihoskan oleh Presiden Xi Jinping. Sambutan gilang gemilang yang diberikan oleh pihak China mencerminkan keakraban hubungan kedua-dua negara sempena ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik.

10. Hubungan erat yang berdasarkan kepada saling hormat-menghormati dan kepercayaan jelas kelihatan semasa perjumpaan Seri Paduka Baginda dengan Presiden Xi Jinping dan Perdana Menteri Li Qiang baru-baru ini. Pihak China amat terbuka dan ikhlas dalam setiap isu yang dibincangkan. Pihak China juga berhasrat untuk berkongsi kepakaran perancangan bandar serta menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam projek pembangunan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura dan kereta api berkelajuan tinggi.

11. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Presiden Xi Jinping telah menyatakan hasratnya untuk mengadakan lawatan ke Malaysia pada tahun 2025 mengikut kesesuaian masa kedua-dua pihak. Lawatan terakhir beliau ke Malaysia adalah pada tahun 2013.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI
[KUALA KRAU]
TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI KAMAL BIN ASHAARI [KUALA KRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan peruntukan yang sepatutnya Ahli Parlimen Kuala Krau dapat, dan sekiranya peruntukan tersebut telah pun disalurkan ke kawasan Kuala Krau, pihak manakah yang menerimanya dan bertanggungjawab untuk mengagihkannya.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.
2. Bagi tahun 2024, Kawasan Parlimen Kuala Krau telah diluluskan peruntukan berjumlah **RM1.93 juta** bagi **59 projek** di bawah peruntukan **Projek Mesra Rakyat (PMR)** yang diselaras oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).
3. Selain itu, kelulusan lain yang telah diselaraskan berdasarkan permohonan sehingga **22 Oktober 2024** adalah sebanyak **27 projek** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.194 juta**. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan bagi Parlimen Kuala Krau adalah sebanyak **RM3.124 juta** bagi pelaksanaan **86 projek/program**.
4. YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang akan diputuskan selepas selesai proses perundingan di antara Ketua WHIP Pembangkang dan Ketua WHIP Kerajaan. YAB Perdana Menteri juga pada 9 Julai yang lalu turut menyatakan isu agihan peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang tidak patut menjadi isu rumit untuk diselesaikan kerana membabitkan syarat asas dan proses biasa dalam mana-mana rundingan serta amalan demokrasi.

5. Kerajaan Persekutuan komited untuk merundingkan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri kepada Ahli/ Kawasan Parlimen Pembangkang menerusi serahan deraf Memorandum Persefahaman (MoU) kepada Ketua WHIP Pembangkang. Walau bagaimanapun MoU berkenaan telah ditolak pada **15 September 2024** melalui sidang media sahaja tanpa maklum balas rasmi kepada wakil Kerajaan. Deraf MoU turut dimuat naik secara dalam talian oleh pihak Ketua WHIP Kerajaan pada **16 September 2024**.

6. Terkini, Ketua WHIP Kerajaan memaklumkan bahawa Ahli Parlimen Pembangkang boleh berunding secara individu dengan beliau selaku wakil pihak Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN
[BENTONG]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN [BENTONG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menurut laporan State of Global Islamic Economy (SGIE) 2023, industri halal dijangka berkembang kepada AS\$113.2 bilion menjelang 2030 dengan Malaysia menduduki tempat pertama dalam sektor makanan halal. Apakah perancangan Kementerian untuk mempermudah dan mempercepatkan proses permohonan sijil halal di Malaysia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa komited dalam mengurus pensijilan halal Malaysia dari semasa ke semasa. Melalui JAKIM, inisiatif segera pensijilan halal telah dibangunkan bagi mempercepatkan pensijilan halal Malaysia daripada 90 hari kepada 30 hari.
2. Statistik menunjukkan bahawa di antara Januari hingga Julai 2024, sebanyak 96% permohonan telah berjaya diuruskan dalam tempoh 30 hari. Usaha-usaha proaktif ini telah berjaya menjadi salah satu tarikan kepada pihak industri untuk memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia.
3. Kerajaan melalui JAKIM dan rakan-rakan pembimbing seperti MARA, FELDA, dan KUSKOP telah mengadakan plan tindakan bagi membantu para industri kecil dan sederhana agar dapat memberikankan impak kepada ekosistem halal di negara ini dan pada masa yang sama menaikkan tahap ekonomi negara. Kerjasama dengan HDC dan MATRADE juga menjadi pelengkap seiring dengan arus perdana merencanakan perkembangan ekonomi Malaysia di peringkat global.

4. Kesiediaan industri dalam memohon pensijilan halal adalah salah satu cabaran untuk menyegerakan proses pensijilan halal. Oleh itu, pihak JAKIM bersama dengan pihak swasta telah membangunkan aplikasi '*verify halal*' dan di dalamnya terkandung modul '*i-bimbing*'. Modul ini boleh membantu para usahawan untuk membuat penilaian sendiri terhadap kesiediaan mereka untuk memohon pensijilan halal. Pihak JAKIM yakin sekiranya pihak industri benar-benar bersedia maka, proses permohonan pensijilan halal yang melibatkan analisis ramuan dan audit lapangan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

5. Di samping itu, JAKIM juga sedang berusaha meningkatkan kemudahan digital dalam proses pensijilan halal. Usaha digitalisasi ini diyakini dapat menyelesaikan isu kekurangan tenaga kerja dan menyegerakan proses semakan dokumen dan analisis ramuan yang melibatkan ribuan ramuan dalam sesuatu permohonan pensijilan halal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE [BELURAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai perancangan untuk membangunkan industri petroleum bersama Indonesia di Blok ND6 dan Blok ND7 yang juga dirujuk sebagai Ambalat oleh negara Indonesia.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Blok ND6 dan ND7 merupakan blok minyak PETRONAS yang terletak dalam Lembangan Semporna (*Semporna Basin*) di Laut Sulawesi. Walau bagaimanapun, Blok ini bertindih dengan Blok Ambalat dan Blok Ambalat Timur yang dikeluarkan oleh Kerajaan Indonesia. Susulan daripada isu tersebut, kedua-dua negara kini sedang mengadakan rundingan persempadanan maritim antara Malaysia dan Indonesia dan isu ini masih dibincangkan antara kedua-dua negara.
2. Dalam masa yang sama juga, pihak PETRONAS dan Kerajaan sedang mengkaji kaedah terbaik untuk membangunkan Blok ND6 dan ND7.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[STAMPIN]
TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah skim insentif dan geran yang diperuntukkan Kerajaan untuk pembangunan industri pembuatan tempatan dalam tahun 2024 dan peratusannya yang telah diagihkan untuk industri di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan agensi-agensinya di bawah MITI memberikan penekanan dalam membangunkan sektor perindustrian secara seimbang di seluruh negara, termasuklah industri perkilangan di Sarawak. Di bawah ***Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030: Misi 4 - Menyelaraskan Pelan Pembangunan Perindustrian Antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri***, Kerajaan akan memanfaatkan kekuatan dan keupayaan tempatan di semua negeri, untuk membangunkan sektor industri pembuatan berteknologi tinggi secara seimbang.

2. Antara galakan cukai dan geran yang disediakan oleh Kerajaan persekutuan melalui MIDA untuk industri perkilangan di seluruh negara termasuk pengilang tempatan di Sarawak adalah:

i. Galakan cukai bagi syarikat yang menjalankan aktiviti yang digalakkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA), 1986

- Syarikat yang layak boleh dipertimbangkan galakan cukai seperti **galakan Taraf Perintis (*Pioneer Status - PS*)** iaitu **pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% atau 100%** ke atas pendapatan berkanun bagi **tempoh 5 atau 10 tahun**; ATAU
- **Elaun Cukai Pelaburan (*Investment Tax Allowance - ITA*)** dengan **elaun sebanyak 60% atau 100%** daripada jumlah perbelanjaan modal yang layak yang dibuat oleh syarikat dalam **tempoh 5 atau 10 tahun**. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% atau 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

ii. Galakan Cukai Teknologi Hijau

- Galakan ini telah ditambahbaik dengan pendekatan **sistem *tiering*** dan tempoh galakan juga dilanjutkan sehingga **31 Disember 2026**. Projek pelaburan yang menggunakan teknologi hijau seperti teknologi **Tenaga Boleh Baharu (TBB)**, **peralatan cekap tenaga** boleh dipertimbangkan galakan ini iaitu Elaun Cukai Pelaburan ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak.

iii. Elaun Modal Automasi (*Automation Capital Allowance – Automation CA*)

- Bagi menggalakkan penggunaan automasi di kalangan syarikat-syarikat di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, insentif ini membolehkan syarikat menuntut **sebanyak 200% sehingga RM10 juta** bagi perbelanjaan automasi. Insentif ini telah diperkenalkan melalui Belanjawan 2015 dan **tempoh galakan telah dilanjutkan sehingga tahun 2027**.

iv. Dana Pemacu Pelaburan Domestik (*Domestic Investment Accelerator Fund – DIAF*) ESG

- Khusus bagi membantu Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTC) mendapatkan persijilan atau verifikasi dalam mengadaptasi elemen ESG dalam operasi syarikat. Dana ini adalah dana padanan (50:50) atau (70:30) bagi perbelanjaan yang layak berkaitan ESG dengan jumlah maksimum RM500,000 bagi setiap syarikat.

v. **Geran Automasi Pintar (*Smart Automation Grant – SAG MADANI*)**

- Di bawah inisiatif Ekonomi MADANI pada bulan Ogos 2023 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM100 juta. Buat masa ini, permohonan SAG MADANI telahpun ditutup kerana telah mencapai had siling peruntukan sebanyak RM100 juta.

3. Seperti yang telah diumumkan di dalam pembentangan **Belanjawan 2025**, kerajaan akan memperkenalkan **Kerangka Insentif Pelaburan Baharu (*New Investment Incentive Framework*)** bagi menambah baik amalan mekanisme sedia ada yang menawarkan insentif pelaburan berteraskan produk atau aktiviti. Kerangka insentif pelaburan baharu ini dijangka akan dilaksanakan pada **suku ketiga 2025** yang memberi tumpuan kepada **aktiviti bernilai tinggi dan kesan limpahan ekonomi bagi cadangan pelaburan yang dikemukakan**. Kerangka baharu ini juga akan memberikan tumpuan bagi mengurangkan jurang ekonomi antara wilayah melalui insentif cukai pendapatan pada kadar istimewa bagi pelaburan di negeri **Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah** dan **Sarawak**, tertakluk kepada keberhasilan limpahan ekonomi.

4. Penglibatan aktif Sarawak dalam inisiatif-inisiatif di atas dijangka akan memberi manfaat kepada pertumbuhan ekonomi negeri, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat tempatan serta memperkukuhkan kedudukan Sarawak dalam landskap industri tersebut. MITI dan MIDA melalui pejabat MIDA Sarawak akan terus mempromosikan insentif dan geran sedia ada kepada syarikat-syarikat tempatan yang layak di Sarawak. Sehubungan itu, syarikat-syarikat tempatan di Sarawak digalakkan untuk membuat permohonan bagi memanfaatkan semua geran dan insentif yang sedang ditawarkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ALI ANAK BIJU
[SARATOK]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan susulan terkini yang diambil oleh Kerajaan memastikan isu berkaitan dengan kedaulatan dan keselamatan negara di perairan zon ekonomi eksklusif (ZEE) Malaysia memandangkan baru-baru ini terdapat beberapa laporan tuntutan dan insiden pencerobohan dari negara China.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) sentiasa mengambil berat akan keselamatan perairan negara di Laut China Selatan. Kerajaan sentiasa memantau rapat sebarang perkembangan dan situasi semasa di kawasan tersebut melibatkan kerjasama pelbagai Kementerian dan agensi berkaitan bagi memastikan isu tersebut ditangani dengan segera dan efisien tanpa menimbulkan sebarang ketegangan di lapangan. Ini kerana sebarang situasi yang berlaku di kawasan Laut China Selatan mampu memberikan implikasi sama ada secara langsung atau secara tidak langsung kepada keselamatan dan juga ekonomi negara.
2. Kerajaan juga melalui Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) serta agensi penguatkuasaan maritim yang lain sentiasa komited meneruskan operasi strategik di kawasan sensitif di Laut China Selatan dengan mempamerkan kehadiran (*show of presence*) aset udara dan maritim negara. Pelaksanaan rondaan berkala dan operasi oleh Pasukan Keselamatan Negara bertujuan bagi memastikan keselamatan aktiviti-aktiviti ekonomi negara seperti aktiviti eksplorasi dan eksploitasi hidrokarbon di kawasan tersebut sentiasa terpelihara sepanjang masa di samping mempertahankan kedaulatan negara. Selain itu, Kementerian Luar Negeri (KLN) juga terus mengemukakan bantahan kepada mana-mana negara yang didapati menceroboh kawasan perairan Malaysia. Dalam hal ini, Kerajaan juga akan terus komited untuk menambah baik aset-aset agensi keselamatan dan agensi penguatkuasaan maritim negara termasuk perolehan kapal yang baharu. Ini bagi memastikan aset maritim negara sentiasa berada di dalam keadaan baik dan mencukupi serta sedia diatur gerak untuk memastikan keselamatan perairan negara sentiasa terpelihara pada sebilang masa.
3. Selain itu, Malaysia melalui MKN, JPM juga turut mewujudkan Dialog Dua Hala bagi membincangkan isu-isu maritim di Laut China Selatan antara Malaysia dan China. Ia selaras dengan dasar dan pendirian

Kerajaan supaya semua isu berkaitan Laut China Selatan dibincangkan secara konstruktif dengan menggunakan saluran diplomatik dan dialog berterusan bagi memastikan kedaulatan, hak kedaulatan dan kepentingan negara terus kekal terpelihara.

4. Untuk makluman, isu Laut China Selatan adalah isu yang kompleks dan sensitif, dan ia perlu dikendalikan secara aman dan rasional bagi mengelakkan berlakunya ketegangan di lapangan. Pendirian Malaysia berhubung isu di Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten iaitu semua pertikaian hendaklah berdasarkan prinsip undang-undang antarabangsa yang diiktiraf secara sejagat, termasuk Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) 1982. Dalam hal ini, kepentingan negara akan terus dijadikan sebagai asas utama dalam sebarang tindakan yang diambil berhubung tindakan dan pendirian negara terhadap isu kedaulatan negara di Laut China Selatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan rombakan Parlimen Malaysia termasuk pewujudan Hari Pembangkang seperti terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 14(2) Dewan Rakyat Britain dan saluran e-Petition.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Parlimen Malaysia mengambil maklum dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebarang cadangan perlu dibawa ke Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat untuk diperhalusi bagi dipertimbangkan.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan urusan Dewan Rakyat pada Parlimen Kelima Belas ini adalah seperti berikut:

- i. Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) pada setiap hari Selasa akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- ii. Penerangan daripada Menteri-Menteri dibuat secara lebih kerap dan ianya dibuka untuk meminta penjelasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan seterusnya Menteri akan menjawab penjelasan tersebut;
- iii. Memperkasa urusan Kamar Khas bagi membolehkan ahli untuk mengemukakan satu pertanyaan tambahan untuk setiap usulnya yang dikemukakan. Setiap ahli juga boleh merundingkan 2 usul setiap hari dengan maksimum 4 usul sehari;
- iv. Penerangan daripada Menteri-Menteri juga boleh dibuat di Kamar Khas;
- v. Ahli *Backbenchers* dan Pembangkang diberi peluang untuk menjadi Pengerusi Kamar Khas;

NO SOALAN : 33

- vi. Meluaskan terma rujukan (TOR) Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) berbanding semasa Parlimen Keempat Belas iaitu:
 - a. JKPK mempunyai skop yang lebih luas untuk membincangkan semua perkara yang difikirkan sesuai di bawah TOR yang diluluskan; dan
 - b. TOR yang lebih luas turut meningkatkan penglibatan semua Kementerian; dan
- vii. Memberi ruang kepada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa untuk membuat penerangan mengenai penyata-penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD [BAGAN SERAI] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan komitmen tuntas Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada untuk mengeluarkan Malaysia daripada menjadi 'tong sampah' dunia apabila negara menjadi tapak pelupusan sisa plastik dan bahan buangan elektronik dari beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Belanda, Jepun dan Australia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and their Disposal* (Konvensyen Basel) merupakan perjanjian antarabangsa yang menetapkan obligasi untuk mengawal pergerakan merentasi sempadan dan pelupusan buangan berbahaya/ buangan terjadual. Malaysia telah menjadi negara ahli kepada Konvensyen Basel pada 8 Oktober 1993.
2. Di bawah Konvensyen Basel, sebarang pergerakan merentas sempadan sisa buangan seperti sisa plastik adalah tertakluk kepada prosedur *Prior Informed Consent* (PIC) di mana negara pengimport dan transit hendaklah memberikan persetujuan (*consent*) terlebih dahulu sebelum ia dieksport ke negara pengimport. Persetujuan (*consent*) ini akan dipertimbangkan setelah negara pengeksport mengemukakan notifikasi dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Manakala bagi sisa elektrik dan elektronik yang dikategorikan sebagai buangan terjadual/ berbahaya tidak dibenarkan untuk diimport ke Malaysia bagi tujuan pemerolehan kembali dan pelupusan.
3. Kementerian juga maklum dan memandang serius mengenai kegiatan pengimport sisa secara haram ke dalam negara. Pelbagai usaha berterusan sedang dilaksanakan dengan pelbagai kementerian dan agensi untuk membanteras pengimportan sisa haram ke dalam negara. Antara isu utama yang telah dikenal pasti antaranya adalah pengisytiharan palsu (*false declaration*) pengimportan bahan dagangan.
4. Kementerian ini dengan kerjasama pelbagai kementerian dan agensi berkaitan akan terus berusaha untuk mengemaskini dasar-dasar yang berkaitan, menambahbaik aktiviti penguatkuasaan, mengemaskini dan menambahbaik akta sedia ada serta terus meneruskan melaksanakan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi memerangi isu pengimportan sisa haram ini.

NO SOALAN : 34

5. Kementerian melalui JAS juga akan memastikan semua premis yang memproses sisa elektrik dan sisa plastik mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Operasi penguatkuasaan dijalankan secara berkala untuk melihat pematuhan premis terhadap perundangan yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat mencegah dan mengawal pencemaran alam sekitar daripada berlaku.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS
[KOTA BELUD]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

PUAN ISNARAISSAH MUNIRAH MAJILIS [KOTA BELUD] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang merentasi pelbagai Kementerian bagi memantau khusus projek-projek infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak dengan matlamat merapatkan segera jurang pembangunan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Khas yang merentasi pelbagai Kementerian bagi memantau khusus projek-projek pembangunan infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak selaras dengan **Arahan No. 1 Tahun 2023 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara** yang merangkumi platform di peringkat negeri seperti **Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg)** dan **Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Negeri (JTPNg)**.
2. Platform **MTPNg Sabah / Sarawak** dipengerusikan oleh YAB Ketua Menteri Sabah dan YAB Premier Sarawak dan platform **JTPNg Sabah / Sarawak** pula dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah/Sarawak dengan **turut dihadiri oleh ketua jabatan / agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri** yang diurusetiakan oleh Pejabat Pembangunan Negeri masing-masing. Selain itu, penyelarasan, pemantauan dan intervensi ke atas isu-isu berkaitan pelaksanaan program / projek pembangunan sentiasa dilaksanakan secara bersama antara Kementerian/Agensi Persekutuan dengan Kerajaan Negeri melalui sesi mesyuarat dan libat urus yang diadakan secara berkala berdasarkan keperluan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI
[TUMPAT]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

**DATO' HAJAH MUMTAZ BINTI MD NAWI [TUMPAT] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :**

- a) berapa jumlah restoran makanan milik pengusaha tempatan dan antarabangsa yang memiliki pensijilan halal Malaysia dan perancangan meningkatkan prasarana bagi membantu mempercepatkan pengeluaran sijil halal; dan
- b) apakah JAKIM berhasrat mengadakan standard baru untuk pensijilan halal iaitu satu standard dan logo baharu seumpama "Halalan Toyyiban".

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI
MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

a) berapa jumlah restoran makanan milik pengusaha tempatan dan antarabangsa yang memiliki pensijilan halal Malaysia dan perancangan meningkatkan prasarana bagi membantu mempercepatkan pengeluaran sijil halal; dan

1. Jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) aktif bagi skim premis makanan setakat 10 November 2024 seluruh Malaysia ialah sebanyak 1,926 syarikat (10,814 premis makanan). Buat masa ini, JAKIM tidak menawarkan pensijilan halal luar negara bagi skim premis makanan.
2. Kerajaan sentiasa komited dalam mengurus pensijilan halal Malaysia dari semasa ke semasa. Melalui JAKIM, inisiatif segera bagi mempercepatkan pensijilan halal Malaysia telah dilaksanakan dalam tempoh 30 hari bekerja. Statistik menunjukkan bahawa di antara Januari hingga September 2024, sebanyak 95% permohonan telah berjaya diuruskan dalam tempoh 30 hari. Usaha-usaha proaktif ini telah berjaya menjadi salah satu tarikan kepada pihak industri untuk memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

3. JAKIM juga telah dan sedang melaksanakan aktiviti pemerkasaan pensijilan sebagaimana yang berikut:
- (a) Menaik taraf Sistem Digital Pengurusan Halal agar lebih interaktif dan selari dengan teknologi semasa;
 - (b) Melengkapkan keperluan sumber manusia, infrastuktur dan logistik di Bahagian Pengurusan Halal agar pengurusan pensijilan halal dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan berkesan;
 - (c) Mengadakan kolaborasi strategik bersama agensi payung di peringkat Kerajaan atau melalui persatuan-persatuan industri di Malaysia dan rakan-rakan pembimbing seperti MARA, FELDA, KUSKOP dengan membangunkan pelan tindakan bagi membantu para industri kecil dan sederhana agar dapat memberikan impak kepada ekosistem halal di negara ini;
 - (d) Mengadakan kerjasama dengan Penyedia Latihan Halal (PLH) dan Rakan Strategik (RS) yang berdaftar dengan JAKIM bagi penyediaan latihan halal dan bimbingan; dan
 - (e) Bekerjasama dengan HDC dan MATRADE bagi merencanakan perkembangan ekonomi Malaysia di peringkat global.

4. Selain itu, kesediaan dan kesungguhan pihak industri dalam mematuhi piawaian dan standard pensijilan halal Malaysia menyumbang kepada kesegeraan proses pensijilan halal.

b) apakah JAKIM berhasrat mengadakan standard baru untuk pensijilan halal iaitu satu standard dan logo baharu seumpama "Halalan Toyyiban".

5. Kerajaan telah melaksanakan penggunaan Logo Halal Malaysia yang seragam pada 2003 bertujuan untuk menyelaraskan pengurusan pensijilan halal di seluruh Malaysia dan memudahkan industri dalam aspek import eksport. Penyeragaman ini menaikkan imej negara sebagai pelopor pensijilan halal global dan memberi keyakinan kepada industri dan pengguna terhadap kualiti barangan dan produk makanan yang membawa jenama halal.
6. Pada masa ini standard berkaitan halal telah dibangunkan oleh Jabatan Standard Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk JAKIM. Sepuluh (10) standard telah dijadikan rujukan dalam pensijilan halal.
7. Sehubungan itu, keperluan standard baharu dan logo baharu berkaitan 'halalan toyyiban' perlu dibuat kajian dengan lebih teliti memandangkan ia akan melibatkan peruntukan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

8. Walaubagaimanapun, Kerajaan amat mengalu-alukan cadangan penambahbaikan daripada pelbagai pihak dalam menjaga integriti pensijilan halal dan meninggikan nilai tambah ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 [SELASA]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ke atas agensi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) susulan laporan Ketua Audit Negara bulan Julai 2024. Adakah siasatan SPRM melibatkan unsur Criminal Breach of Trust (CBT) juga.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes ini telah disiasat di bawah kesalahan Seksyen 16(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan masih dalam siasatan SPRM. Justeru, SPRM tidak dapat mendedahkan butiran siasatan tersebut berdasarkan subseksyen 29(4) Akta SPRM 2009 [Akta 694] yang menyatakan bahawa mana-mana siasatan tersebut hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh didedahkan oleh mana-mana orang sehinggalah orang tertuduh dipertuduh dimahkamah.

2. SPRM melihat kepada semua kemungkinan isu-isu rasuah yang terlibat seperti salah guna kuasa selaras dengan Akta 694 serta kesalahan-kesalahan lain di dalam Kanun Keseksaan [Akta 574] termasuklah berkaitan penipuan atau dengan izin *Fraud*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bilakah keputusan berkenaan prosedur Perlombongan NREE akan dimuktamadkan dan apakah manfaat kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah membangunkan dokumen prosedur operasi standard (SOP) perlombongan unsur nadir bumi (REE) sebagai rujukan dan panduan kepada negeri-negeri yang berminat untuk menjalankan aktiviti perlombongan REE. Pembangunan dokumen ini adalah susulan daripada kejayaan pemakaian SOP sebagai panduan kepada Projek Perintis Perlombongan REE di Mukim Kenering, Daerah Hulu Perak.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dokumen ini telah dimuktamadkan dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Mac 2023. Seterusnya, Kementerian telah mengedarkan dokumen SOP kepada semua Kerajaan Negeri pada 20 Disember 2023.
3. Pembangunan SOP ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan dalam memastikan industri REE dibangunkan secara lestari dan memberi pulangan hasil yang tinggi kepada negara. Justeru itu, dokumen SOP ini telah merangkumkan peraturan dan perundangan sedia ada bagi memastikan aktiviti perlombongan REE dijalankan dengan cekap dan teratur. Dokumen SOP ini juga telah mengambil kira keseluruhan rangkaian nilai mineral di tiga (3) peringkat utama iaitu pra-perlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan termasuk aspek pemuliharaan kawasan bekas lombong.
4. Walau bagaimanapun, pemakaian SOP di negeri-negeri masih tertakluk kepada kelulusan dan penyelarasan oleh pihak-pihak berkuasa negeri. Pematuhan kepada SOP ini akan memastikan aktiviti perlombongan dijalankan tanpa memberi impak negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO` SERI AMIRUDIN BIN SHARI
[GOMBAK]**
TARIKH : **12 NOVEMBER 2024 (SELASA)**

SOALAN

DATO` SERI AMIRUDIN BIN SHARI [GOMBAK] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan status terkini dan perincian *National Semiconductor Strategy*. Apakah langkah sokongan yang akan digerakkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan potensi industri semikonduktor terutamanya dalam peringkat *high-end*.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan menyasarkan untuk menarik sekurang-kurangnya RM500 bilion dalam pelaburan domestik (DI) dan pelaburan asing (FI) di bawah Strategi Semikonduktor Nasional (SSN). Jumlah pelaburan ini merangkumi pelaburan dalam ekosistem semikonduktor termasuk aktiviti reka bentuk litar bersepadu, fabrikasi wafer, pembungkusan termaju, pembuatan mesin dan peralatan semikonduktor, serta produk-produk lain yang kritikal seperti *specialty chemical* untuk industri semikonduktor.

2. Bagi merealisasikan sasaran ini, Kerajaan akan mempertingkatkan program pelaburan sedia ada dan merancang pelbagai strategi baharu dalam usaha untuk menarik pelaburan berteknologi tinggi di dalam ekosistem semikonduktor.

3. Dalam fasa pertama Strategi Semikonduktor Nasional (SSN) misalnya, Kerajaan akan memberi tumpuan kepada dasar pengukuhan industri semikonduktor dengan memperkuat pembangunan dan pengeluaran cip di dalam negara. Pelbagai program dirancang untuk memastikan pencapaian ini, termasuk usaha memodenkan syarikat-syarikat *Outsourced Semiconductor Assembly and Test (OSAT)* sedia ada, yang merupakan elemen penting dalam rantaian nilai semikonduktor.

4. Selain itu, fasa ini juga akan memberi tumpuan kepada pembesaran fabrikasi wafer serta menggalakkan penciptaan hak milik intelektual (IP) baharu dalam bidang semikonduktor. Kerajaan juga berhasrat untuk menarik lebih banyak pengeluar mesin dan peralatan berteknologi tinggi ke dalam ekosistem ini, di samping memberi peningkatan kemahiran bakat tempatan melalui program latihan khusus. Infrastruktur sedia ada juga akan diperkukuh bagi memenuhi keperluan industri yang semakin berkembang. Usaha ini diharapkan akan meletakkan Malaysia pada kedudukan strategik yang lebih kompetitif di rantau ini.

5. Pada masa yang sama, kerajaan juga merancang untuk memperkukuh keupayaan pengeluaran cip tempatan, yang dijangka dapat meningkatkan daya saing industri semikonduktor di Malaysia. Dengan meningkatkan keupayaan pengeluaran domestik, Malaysia dapat mengurangkan kebergantungan terhadap import dan mewujudkan ekosistem teknologi yang lebih mampan di dalam negara.

6. Sebagai langkah proaktif, Kerajaan sedang menggalakkan penglibatan GLIC untuk melabur dalam syarikat semikonduktor tempatan. Pendekatan ini selari dengan hasrat Kerajaan dalam pembentangan Belanjawan 2025 untuk memacu pertumbuhan industri teknologi tempatan, khususnya dalam sektor semikonduktor yang merupakan teras penting bagi pembangunan ekonomi digital. Pelaburan ini akan membolehkan syarikat-syarikat tersebut mendapat suntikan modal yang diperlukan untuk memperluas kapasiti pengeluaran, meningkatkan inovasi, dan memperkukuh kedudukan mereka dalam pasaran global.

7. Kerajaan juga akan turut memberi fokus kepada sasaran pembangunan berkaitan semikonduktor terutamanya *semiconductor design, advanced packaging* dan pembuatan mesin dan peralatan terpilih. Ini bagi mengukuhkan rantai dan ekosistem sedia ada agar mampu menarik lebih banyak syarikat-syarikat utama dunia yang merupakan pengguna cip yang canggih sebagai bahan pembuatan asasnya seperti Apple, Huawei dan Lenovo.

8. Dalam masa yang sama, kedudukan Malaysia juga akan diperkukuhkan melalui pelbagai inisiatif tambahan. Antara inisiatif tersebut termasuklah pelaksanaan misi "*strike-force*" yang akan mengenalpasti syarikat global untuk melengkapkan ekosistem semikonduktor di Malaysia dengan sokongan pejabat MITI dan agensi luar negara. Selain itu, kerajaan juga memperkenalkan program Perkongsian Awam-Swasta bagi menggalakkan kerjasama antara industri dan akademia, serta membiayai program latihan dan pendidikan di Institut Pengajian Tinggi awam dan swasta untuk meningkatkan bakat tempatan. Langkah ini turut disertai oleh inisiatif kolaborasi R&D yang lebih dinamik, penambahbaikan infrastruktur di kawasan perindustrian

yang merangkumi sistem utiliti dan logistik, serta galakan fiskal seperti pengecualian cukai dan duti untuk syarikat semikonduktor.

9. Kerajaan komited untuk memperkukuhkan pembangunan bakat dalam sektor teknologi tinggi melalui beberapa inisiatif strategik yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sesi pembentangan Belanjawan 2025. Antara inisiatif tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pemberian potongan cukai khas kepada universiti swasta dan institut latihan kemahiran yang menawarkan kursus dalam bidang teknologi digital, AI, robotik, IoT, dan teknologi mampan. Belanjawan 2025 telah menetapkan bahawa, Universiti Teknologi Mara (UiTM) akan menerima peruntukan sebanyak RM20 juta khusus untuk melatih jurutera Bumiputera dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), terutamanya dalam industri semikonduktor, manakala Universiti Sains Malaysia (USM) akan memberi tumpuan kepada AI dalam teknologi semikonduktor dengan kerjasama syarikat gergasi seperti Intel dan Infineon;
- (ii) HRD Corp akan dipertanggungjawabkan untuk mengurus dana sebanyak RM3 bilion bagi menyediakan sebanyak 3 juta peluang latihan, dengan fokus kepada bidang berteknologi tinggi seperti AI;
- (iii) Bagi Dana Pembangunan Bakat, yang diperuntukkan sebanyak RM150 juta, akan digunakan untuk menyokong latihan bakat tempatan dalam sektor AI, semikonduktor, dan ekonomi digital; dan
- (iv) Bagi pembangunan bakat dalam industri ini Khazanah telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta khusus, melalui Program K-Youth, yang dijangka akan membekalkan seramai 11,000 bakat tempatan bagi memenuhi keperluan sektor utama berteknologi tinggi.

10. Sehingga Suku Ketiga 2024, beberapa pencapaian penting telah dicapai dalam industri semikonduktor negara seperti berikut:

- (i) Sebanyak 500 jurutera dan 557 pekerja teknikal telah dilatih bagi memperkukuh kepakaran teknikal Malaysia dalam reka bentuk litar bersepadu (IC) dan pengeluaran semikonduktor;
- (ii) Seramai 4,673 individu telah diambil bekerja, dengan pekerja teknikal merangkumi 97% daripada pengambilan tersebut, yang menyumbang kepada peningkatan kumpulan bakat negara;
- (iii) Dari segi pelaburan, Kerajaan telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM 34.6 bilion setakat suku ketiga 2024, di mana RM 0.97 bilion adalah daripada pelaburan domestik (DI) manakala RM 34 bilion pula merupakan pelaburan asing (FI); dan
- (iv) Sebanyak tiga (3) syarikat reka bentuk IC tempatan telah ditubuhkan dalam tempoh tersebut.

11. Bagi memastikan keberkesanan semua inisiatif ini, Kerajaan akan mewujudkan scorecard agar analisa secara berterusan dapat dilakukan bagi mendapatkan perkembangan kemajuan industri semikonduktor di negara ini melalui inisiatif yang dijalankan sekaligus menilai kejayaan SSN secara keseluruhan.

12. Dalam usaha meningkatkan kolaborasi teknologi, kerajaan juga sedang memperkukuhkan hubungan dengan negara-negara maju serta syarikat multinasional terkemuka dalam industri ini. Melalui pendekatan ini, Kerajaan berharap dapat meningkatkan transfer teknologi dan pengetahuan, memperoleh kepakaran dalam pengeluaran cip berteknologi tinggi, serta menarik lebih banyak pelaburan dari syarikat

NO SOALAN : 39

multinasional yang ingin memanfaatkan potensi pasaran dan infrastruktur negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI
BIN MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan untuk menyemak kembali amalan federalisme selepas 67 tahun negara merdeka dan langkah-langkah yang akan dilakukan Kerajaan untuk memperkenalkan sebarang mekanisma baru bagi tujuan memperkukuh konsep federalisme sedia ada.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Yang di-Pertua,

1. Selepas lebih enam dekad negara mencapai kemerdekaan, amalan federalisme di Malaysia kekal menjadi asas kepada struktur pentadbiran negara.

Kuasa Perundangan

2. Fasal (1) dan (2) Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan mengenai kuasa perundangan Parlimen bagi Kerajaan Persekutuan dan kuasa perundangan Dewan Undangan Negeri bagi Kerajaan Negeri sebagaimana yang disenaraikan masing-masing dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Antara hal perkara yang dinyatakan dalam Senarai Persekutuan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan adalah seperti hal ehwal luar negeri termasuk triti, perjanjian dan konvensyen dengan negara lain, pertahanan bagi Persekutuan dan keselamatan dalam negeri. Selain itu, kedua-dua Parlimen dan Dewan Undangan Negeri juga mempunyai kuasa perundangan secara bersama bagi perkara yang dinyatakan dalam Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

3. Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, selain daripada Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, kuasa perundangan bagi kedua-dua Negeri Sabah dan Sarawak juga merangkumi Senarai Tambahan kepada Senarai Negeri dan Senarai Tambahan kepada Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

4. Badan Perundangan Negeri juga diberi kuasa untuk membuat undang-undang mengenai apa-apa perkara yang tidak disebut dalam Senarai yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan, iaitu yang bukan suatu perkara yang berkenaan dengan Parlimen berkuasa membuat undang-undang sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 77 Perlembagaan Persekutuan.

5. Parlimen juga boleh membuat undang-undang dalam Senarai Negeri namun terhad setakat mana yang diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, Fasal (3) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang yang dibuat oleh Parlimen bagi menggalakkan keseragaman undang-undang antara dua Negeri atau atas permintaan Badan Perundangan mana-mana Negeri tidak boleh berkuat kuasa di mana-mana negeri sehingga undang-undang itu telah diterima pakai melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan Negeri itu. Apabila undang-undang itu telah diterima pakai oleh mana-mana negeri, undang-undang tersebut disifatkan sebagai suatu undang-undang negeri. Selanjutnya, Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bagi tujuan memastikan keseragaman undang-undang dan dasar, Parlimen boleh membuat undang-undang, antara lain, mengenai tanah dan kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan adalah tidak terpakai bagi negeri Sabah dan Sarawak menurut Perkara 95D Perlembagaan Persekutuan.

Kuasa Eksekutif

6. Seterusnya, berhubung dengan pembahagian kuasa eksekutif, Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan hendaklah dibaca bersama dengan Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Fasal (1) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan meliputi segala perkara yang mengenainya Parlimen boleh membuat undang-undang dan kuasa eksekutif sesuatu Negeri meliputi segala perkara yang mengenainya Badan Perundangan Negeri itu boleh membuat undang-undang.

7. Fasal (4) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa undang-undang Persekutuan boleh membuat peruntukan supaya kuasa eksekutif sesuatu Negeri hendaklah meliputi pentadbiran mana-mana peruntukan tertentu dalam undang-undang persekutuan. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang persekutuan atau Negeri, Fasal (5) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa perkiraan boleh dibuat antara Persekutuan dan Negeri bagi pelaksanaan apa-apa fungsi oleh mana-mana pihak (sama ada Persekutuan atau Negeri) bagi pihak yang satu lagi. Selanjutnya, perkiraan tersebut boleh membuat peruntukan bagi pembayaran apa-apa kos yang dilakukan di bawah perkiraan berkenaan.

Badan Perundingan

8. Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan badan perundingan dan mekanisme (*consultative bodies and mechanisms*) yang bertujuan untuk menyeragamkan dasar Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara tertentu yang menyentuh bidang kuasa serta kepentingan Kerajaan Negeri. Contohnya, Majlis Kewangan Negara ditubuhkan di bawah Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Tanah Negara ditubuhkan di bawah Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan ditubuhkan di bawah Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan.

9. Keanggotaan bagi ketiga-tiga Majlis tersebut adalah melibatkan wakil-wakil bagi setiap negeri termasuklah bagi Negeri Sabah dan Sarawak. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 95E Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tidak dikehendaki untuk mengikuti dasar yang dibentuk oleh Majlis Tanah Negara atau Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan dan wakil bagi kedua-dua Negeri tersebut tidak berhak mengundi dalam kedua-dua Majlis berkenaan.

10. Ketiga-tiga Majlis tersebut hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang difikirkannya perlu dan adalah menjadi tanggungjawab dari segi perlembagaan untuk ketiga-tiga Majlis tersebut mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam dua belas bulan (Fasal (2) Perkara 108 Perlembagaan Persekutuan, Fasal (3) Perkara 91 Perlembagaan Persekutuan dan Fasal (3) Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan).

11. Selain itu, terdapat juga forum yang diperuntukkan dalam undang-undang yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri seperti Majlis Perancangan Fizikal Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Berdasarkan subseksyen 2A(5) Akta 172, Majlis Perancangan Fizikal Negara hendaklah bermesyuarat sekali setiap empat bulan dalam suatu tahun dan apabila dipanggil Pengerusi (*convened by the Chairman*).

12. Selain forum yang diperuntukkan dalam undang-undang, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga mewujudkan mekanisme perundingan secara pentadbiran sebagai contoh Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri yang secara lazimnya bermesyuarat 3 kali setahun.

13. Kerajaan Persekutuan juga telah menubuhkan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 ("MTPMA63") sebagai platform perundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak khusus bagi membincangkan isu-isu berhubung dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963.

14. Oleh itu, Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang berkaitan telah memperuntukkan pembahagian kuasa yang jelas antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dan jaminan dalam konteks federalisme yang mana ia perlu dipatuhi oleh kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Selain itu, badan perundingan dan mekanisme yang diwujudkan sama ada dari segi undang-undang mahupun secara pentadbiran bagi tujuan berunding mengenai hal perkara tertentu antara Persekutuan dan Negeri merupakan jaminan bahawa kuasa dan kepentingan negeri terus

NO SOALAN : 40

dihormati serta hak rakyat diberikan secara adil dan saksama di bawah prinsip federalisme yang diamalkan di Malaysia. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan badan perundangan sedia ada yang diwujudkan boleh dimanfaatkan sepenuhnya oleh Persekutuan dan Negeri bagi maksud pelaksanaan sistem federalisme di Negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimana pihak Kementerian dapat membantu untuk mengurangkan masalah gelandangan di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur dan bandar lain selain dari yang disediakan oleh Dewan Bandaraya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil pendekatan secara holistik dengan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi bagi memastikan golongan gelandangan dibantu dengan lebih berkesan. Usaha ini perlu ditangani secara bersama dan memerlukan tindakan daripada pelbagai pihak, bukan sahaja Kerajaan Persekutuan, tetapi juga Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

2. Sebagai langkah mengatasi masalah gelandangan, KPWKM melalui Yayasan Kebajikan Negara Malaysia (YKN) telah mewujudkan Anjung Singgah yang berperanan sebagai pusat rujukan bantuan sosial dan intervensi kepada golongan gelandangan produktif. Perkhidmatan yang disediakan meliputi tempat penginapan sementara, makan minum, saringan awal kesihatan, program pemantapan jati diri dan intervensi kaunseling, serta rujukan bantuan sosial dan bantuan pekerjaan melalui kerjasama pelbagai agensi kerajaan serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berkaitan.

3. Sehingga kini terdapat lima (5) buah Anjung Singgah telah ditubuhkan di bandar-bandar besar iaitu di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Johor, Pulau Pinang, Kuching, Sarawak dan Ipoh, Perak. Sehingga Ogos 2024, seramai 9,685 orang gelandangan direkodkan telah mendaftar masuk dan mendapatkan perkhidmatan di semua Anjung Singgah. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,221 orang gelandangan telah dibantu mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian manakala selebihnya telah kembali ke pangkuan keluarga atau dirujuk kepada jabatan/agensi dan NGO berkaitan bagi bantuan susulan.

4. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga bertanggungjawab untuk mengambil orang papa iaitu pengemis dan peleser berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183].

5. Dalam Operasi Mengambil Secara Bersama, setiap agensi akan mengenal pasti orang papa yang diambil untuk disusuli tindakan lanjut sewajarnya mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Operasi tindakan bersepadu ini melibatkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

6. KPWKM turut mengambil pendekatan usahasama dengan pelbagai pihak bagi menangani isu gelandangan dan membantu golongan ini menjalani kehidupan yang lebih sejahtera melalui penyediaan tempat tinggal sementara. Antara program usahasama sedia ada bersama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah seperti Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL) dan Rumah Bimbingan Gelandangan Kuala Lumpur.

7. Bagi perancangan jangka panjang ke arah pewujudan perundangan yang lebih holistik melibatkan gelandangan, KPWKM telah menjalankan Kajian Semakan Semula Akta Orang-Orang Papa 1977. Dapatan kajian ini akan digunapakai sebagai asas kepada penstrukturan semula dan perincian mekanisme pengendalian isu orang papa, pengemisan dan gelandangan yang holistik agar kebajikan mereka dapat dilindungi dalam semua aspek.

8. Meskipun usaha bagi mengurangkan gelandangan tidak dapat menyelesaikan sepenuhnya masalah ini, namun inisiatif berterusan masih diperlukan melalui kerjasama dengan semua pihak bagi membantu golongan gelandangan agar dapat diintegrasikan semula ke dalam masyarakat seperti mana hasrat kerajaan dalam menangani isu gelandangan di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JIMMY PUAH WEE TSE
[TEBRAU]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN JIMMY PUAH WEE TSE [TEBRAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Akta Keselamatan Siber 2024 (Akta 854) akan dilaksanakan, dipantau dan dikuatkuasakan dengan adil dan bebas.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Keselamatan Siber 2024 [Akta 854] dan empat (4) Peraturan-Peraturan di bawah Akta 854 telah berkuat kuasa pada 26 Ogos 2024. Setelah Akta 854 dan Peraturan-Peraturan di bawah Akta 854 berkuat kuasa, antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) yang bertanggungjawab ke atas Akta 854 ialah:
 - a. mengeluarkan lima (5) Arahan Ketua Eksekutif NACSA sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13 Akta;
 - b. YAB Perdana Menteri, selaku Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan siber telah melantik 29 ketua sektor infrastruktur maklumat kritikal negara (ketua sektor NCII) bagi 11 sektor NCII yang berkuat kuasa pada 11 September 2024;
 - c. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Siber Negara (JKSN) bilangan 1 tahun 2024 (selepas Akta 854 berkuat kuasa) telah diadakan pada 19 September 2024;
 - d. melantik dua (2) ahli JKSN sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perenggan 5(2)(f) Akta; dan
 - e. melancarkan portal permohonan atau pembaharuan lesen serta hal-hal yang berkaitan pelesenan pada 1 Oktober 2024.

NO SOALAN : 42

1. Pelaksanaan seterusnya adalah 29 ketua sektor NCII yang dilantik tersebut hendaklah melaksanakan kewajipan dan fungsi, antaranya menetapkan suatu entiti NCII dan menyediakan suatu tataamalan (*code of practice*), mengikut kehendak yang ditetapkan dalam Akta 854.
2. Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta ini dipantau secara terus oleh JKSN yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai kementerian, agensi awam dan dalam kalangan orang yang mempunyai kedudukan dan pengalaman dalam keselamatan siber. Fungsi JKSN telah diperuntukkan di dalam Seksyen 6 Akta 854 yang merangkumi antara lain, menentukan polisi, pendekatan dan strategi berkaitan keselamatan siber negara, memberi cadangan kepada Kerajaan berkenaan polisi dan langkah-langkah strategik bagi mengukuhkan keselamatan siber, memberi arahan kepada Ketua Eksekutif dan Ketua Sektor NCII dan menyelia pelaksanaan Akta 854 yang berkesan.
3. Bagi memastikan pelaksanaan Akta 854 dilakukan secara adil, ketua sektor NCII yang dilantik adalah terdiri daripada Entiti Kerajaan dan orang yang terdiri daripada badan korporat seperti PETRONAS. Selain itu, mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Ketua Eksekutif berhubung dengan pengeluaran, pembatalan atau penggantungan lesen boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi keselamatan siber.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR
BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar peruntukan yang telah digunakan bagi setiap Peruntukan Pembangunan yang telah diumumkan untuk negeri Sabah bagi tahun 2021, 2022, dan 2023 dengan masing-masing berjumlah RM5.1 bilion, RM5.2 bilion dan RM6.5 bilion.

JAWAPAN

YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sebenar peruntukan yang telah digunakan bagi setiap **Peruntukan Pembangunan** di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk **negeri Sabah** bagi **tahun 2021, 2022, dan 2023** adalah seperti berikut:

RP/Tahun	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)
RP1 / 2021	4,517,526,970.00	3,313,549,108.00
RP2 / 2022	5,711,946,622.00	4,458,815,991.00
RP3 / 2023	6,502,666,400.00	4,931,055,664.00

Sumber data: Maklumat dijana daripada Sistem MyProjek sehingga 4 November 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU]

TARIKH : 12 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan segera dan strategi jangka panjang untuk mengatasi masalah pencemaran sungai yang dilihat tidak pernah selesai terutamanya di kawasan perindustrian seperti yang sering berlaku di negeri Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Isu pencemaran sungai di negara ini perlu ditangani secara bersepadu dengan penglibatan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan memandangkan sektor yang menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai ini bukan hanya melibatkan sektor industri tetapi juga melibatkan sektor-sektor lain seperti perbandaran, penternakan, pertanian serta aktiviti komersial yang tidak mempunyai sistem rawatan efluen atau kumbahan yang sempurna. Di samping itu, sisa daripada pasar basah, gerai makanan, dobi, pusat cucian kereta, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta sisa dari rumah atau setinggalan yang dilepaskan tanpa rawatan ke longkang dan dihanyutkan ke sungai juga menyumbang kepada kemerosotan kualiti air sungai.

2. Dalam hal ini, antara tindakan segera dan strategi jangka masa panjang yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengatasi masalah pencemaran sungai adalah:

a. Tindakan Segera

- i. **Pemeriksaan Perundangan Alam Sekitar** – Pemantapan penguatkuasaan perundangan JAS dari segi hukuman membabitkan jenayah alam sekitar dengan meningkatkan jumlah denda dan hukuman yang lebih berat. Kerangka dasar dan perundangan akan terus diperkukuhkan bagi memastikan ianya berupaya melindungi alam sekitar dan rakyat;
- ii. **Operasi Bersepadu** - Meningkatkan operasi secara bersepadu dan menyeluruh bersama agensi berkaitan untuk pencegahan dan siasatan kes pencemaran alam sekitar terutama yang melibatkan punca pencemar di dalam bidang kuasa/bidang tugas agensi berkenaan. Selain itu, kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diperkasakan melalui platform dan fungsi Jawatankuasa Alam Sekitar di Peringkat Kebangsaan seperti Majlis Air Negara, Jawatankuasa Khas Menangani Kemerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan

(JKKAS), Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) dan lain-lain. Manakala platform di peringkat Negeri seperti Jawatankuasa Pasukan Petugas Bertindak yang dipengerusikan oleh YB EXCO berkaitan alam sekitar turut diperkasakan bagi menyelesaikan kes pencemaran alam sekitar di peringkat negeri;

- iii. **Penguatkuasaan Pintar** - Memantapkan penguatkuasaan seiring dengan perubahan semasa dan kecanggihan teknologi melalui peralatan, teknologi pintar dan kelengkapan logistik yang terkini seperti dron. Selain itu, penggerak projek yang tertakluk kepada Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) juga dilibatkan bagi menggalas tanggungjawab bersama ke arah usaha melestarikan alam sekitar dengan melaksanakan pematuhan sendiri;
- iv. **Penguatkuasaan secara bersasar** – Meningkatkan penguatkuasaan secara bersasar kepada punca-punca yang terletak di hulu takat pengambilan air dan penghasilan beban pencemaran yang tinggi merujuk kepada laporan kualiti air sungai yang dihasilkan oleh JAS pada setiap bulan;
- v. **Perkongsian Data** - Perkongsian dan gunasama data alam sekitar yang optimum serta holistik di antara agensi-agensi di bawah Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemegang taruh. Integrasi dan gabungan data daripada pelbagai sumber adalah untuk mengukuhkan pengurusan kualiti air dan membantu dalam merancang program penguatkuasaan serta menyokong pihak pengurusan dalam membuat keputusan. Usaha ini penting bagi memastikan kualiti air sentiasa terpelihara dan pencemaran dapat dicegah dengan lebih berkesan.
- vi. **Sistem Amaran Awal** : Rangkaian pengawasan kualiti alam sekitar automatik bertindak sebagai sistem amaran awal untuk reseptor sensitif.

b. Strategi Jangka Panjang

- i. **Semakan peraturan bagi kawalan pencemaran air** – Semakan semula ke atas Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (PPKAS) (Efluen Perindustrian) 2009, PPKAS (Kumbahan) 2009 dan PPKAS (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009;
- ii. **Program Pengawasan Kualiti Air Sungai** - Memperluaskan rangkaian stesen pengawasan kualiti air sungai automatik dan manual di Malaysia dan memantapkan program pengawasan kebangsaan melalui peralatan, teknologi pintar dan kelengkapan logistik yang terkini seperti dron atau *remote sensing*;
- iii. **Memperkasa Program Pengawasan Kualiti Alam Sekitar (EQMP)** – Pembangunan *Blueprint* Pengawasan Alam Sekitar Kebangsaan 2024-2034 dijangka akan dapat memperkasa dan memperkukuh peranan JAS dalam mengawasi dan memantau kualiti alam sekitar secara holistik dan sistematik sehingga tahun 2034; dan
- iv. **Semakan Standard Air** - Isu pencemaran air semakin rumit dengan kehadiran bahan pencemar baharu (*emerging pollutants*) yang tidak terdapat di dalam standard air atau kualiti air sungai, marin mahupun air tanah pada masa ini. Oleh itu, terdapat JAS akan membuat semakan semula ke atas standard air kebangsaan dengan mengambil kira bahan-bahan ini dalam usaha meningkatkan kualiti air di Malaysia.

Sekian, terima kasih.